Pelita Brunei

ڤليتا بروني

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

PETIKAN TITAH

"KE arah menuju Wawasan Negara, golongan belia perlulah peka dengan cabaran-cabaran yang dicetuskan oleh keadaan sekeliling, khususnya mereka perlu menyedari bahawa budaya terlalu suka berseronok adalah berpotensi membawa kepada keruntuhan."
- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-8, Tahun 2013.

MANISNYA IMAN

"DAN janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang batil, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim sampai kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 188.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.45	4.55	6.18	6.43	12.15	3.37	6.09	7.24

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 149 | 12 DISEMBER 2018 / 1440 ربيع الأخير 4 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

Resepsi Ulang Tahun Hari Kebangsaan Qatar

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri, Datin Hajah Nahriah binti Haji Hasbi bersama Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Qatar, Tuan Abdulla Majed Al-Jassim dan wakil-wakil dari negara Gulf Cooperation Council semasa memotong kek sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Qatar.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Kedutaan Qatar di Negara Brunei Darussalam meraikan sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Qatar pada Majlis Resepsi yang berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri, Datin Hajah Nahriah binti Haji Hasbi.

Ke muka 3

Bersama menjayakan Hari Kebangsaan Ke-35, 2019

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Disember. - Setiap Jawatankuasa dan agensi yang terlibat bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 diseru supaya akan terus memainkan peranan masing-masing demi kejayaan sambutan itu nanti yang kini hanya tinggal 74 hari sahaja lagi sebelum tarikh sambutan 23 Februari 2019.

Dengan berbekalkan semangat patriotisme dan kenegaraan yang tinggi, serta berdasarkan kepada kaedah Whole of Nation Approach, para ahli Jawatankuasa juga diharap akan dapat bekerjasama dan berganding bahu dalam memastikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 bagi Tahun 2019 dapat berjalan dengan lancar, teratur, sempurna dan memberikan nilai tambah dari setahun ke setahun dalam suasana yang penuh kegembiraan, kemeriahan dan keceriaan dalam kalangan rakyat dan masyarakat.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin membuat seruan tersebut semasa mempengerusikan Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019, di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hari ini.

Yang Berhormat selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 seterusnya mengalu-alukan percambahan fikiran dan kebijaksanaan ahli Jawatankuasa Tertinggi, terutama melalui pengalaman-pengalaman dari sambutan-sambutan yang lalu, dalam memantapkan lagi perancangan dan persediaan dalam menyambut Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 bagi Tahun 2019 khususnya dari aspek nilai tambah.

Ke muka 3

Pameran Jejak Seni Bina dan Mercu Tanda Islam, 17 Januari

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Pandu, Bandar Seri Begawan Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019 diadakan di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned selaku Penasihat Jawatankuasa Pandu Bandar Seri Begawan, Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019.

Terdahulu, mesyuarat dimulakan dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang antara lain menekankan ketetapan dan keputusan daripada mesyuarat ini ke arah menyediakan hala tuju yang tepat bagi semua Jawatankuasa Kerja untuk bertindak dengan lebih efisien, terutama dalam melaksanakan program dan aktiviti yang telah dirancang.

Ke muka 4

IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

Muka 6

TIMBALAN Mufti Kerajaan hadiri Persidangan Islam Antarabangsa

Muka 8

SMARTER Brunei terima sumbangan derma

Pertanian aset kehidupan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

MENGADAP ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Ampun beribu ampun,

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung kurnia perkenan untuk menyampaikan 'Ceramah Khas' di Majlis Ilmu pada tahun ini. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga menjunjung limpah kurnia keizinan untuk menggunakan perkataan biasa bagi kemudahan jua.

Tema yang diminta untuk diperkatakan berbunyi: 'Sektor Pertanian Survivabiliti Bangsa dan Negara' yang mendukung maksud, sektor pertanian adalah kelangsungan hidup bagi bangsa dan bagi negara.

Merujuk istilah pertanian, ia paling lumrah disandarkan kepada tumbuh-tumbuhan. Tumbuh-tumbuhan inilah sumber kehidupan. Ia sangat asasi dan penting untuk kehidupan. Tanpa tumbuh-tumbuhan tidak ada cerita kehidupan.

Demikian itu peranan pertanian. Pertanian telah dikenal pasti sebagai aset kehidupan. Kerana itulah, di mana-mana sahaja kerajaan dalam dunia ini adalah mementingkan pertanian. Semua orang, adalah hidup dengan pertanian. Bergantung harap kepada pertanian. Makan dari hasil pertanian dan membina ekonomi juga dengan pertanian.

Ini adalah kata kita manusia. Malah Allah Subhanahu Wata'ala sendiri juga dari awal-awal lagi telah pun memberi isyarat, bahawa terdapat dalam Al-Quran, sekitar 1,300 ayat yang menyebut tentang kejadian makhluk, di antaranya tentang tumbuh-tumbuhan.

Tumbuh-tumbuhan, selain ia menjadi sumber kehidupan, ia sendiri juga adalah hidup bukannya mati. Ya, pohon padi yang kita tanam hidup, pohon limau hidup, pohon rambutan hidup, sayur-sayuran yang merayap dan menjalar hidup, sawi hidup, pegaga hidup, rumput rampai hidup, semua hidup, mereka bukan mati. Dan malah, hidup mereka bukan hidup kosong, tetapi hidup sambil bertasbih mensucikan Allah subhanahu Wata'ala. Firman Allah dalam Surah Al-Isra' : 44

Tafsirnya : "*Langit yang tujuh dan bumi, serta sekalian makhluk yang ada di dalamnya, sentiasa mengucapkan tasbih kepada Allah, dan (bahkan) tiada sesuatu pun (termasuk tumbuh-tumbuhan), melainkan (semuanya itu) adalah bertasbih memuji Allah belaka, akan tetapi kamu sahaja (wahai insan) yang tidak faham akan tasbih mereka itu. Sesungguhnya Dia (Allah) adalah Maha Penyantun lagi Maha Pengampun.*"

MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dalam Ceramah Khas yang bertemakan 'Sektor Pertanian : Survivabiliti Bangsa dan Negara' pada Majlis Ilmu 2018 Sempena Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun dengan tajuk 'Sektor Pertanian : Survivabiliti Bangsa dan Negara' pada Selasa, 19 Rabiulawal 1440 Hijrah bersamaan 27 November 2018 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Ah ini, kedudukan tumbuh-tumbuhan itu. Mereka tidak putus-putus bertasbih. Tidak diragukan lagi, bumi yang hijau dengan tumbuh-tumbuhan adalah bumi yang kaya dengan tasbih, yang makmur dengan tasbih dan sekaligus menjadikan bumi yang seperti ini juga adalah sentiasa bersimbah dengan rahmat dan berhias dengan berkat.

Tentang tumbuh-tumbuhan 'hidup', sudah ada orang yang membuat kajian. Orang ini mahu, supaya dibuktikan bahawa tumbuh-tumbuhan itu memang betul-betul hidup sebagaimana menurut Al-Quran. Pengkaji ialah seorang pakar, Profesor Muhammad Ratib al-Nabulsiy dari Fakulti Sains Pertanian, Universiti Damascuss. Beliau telah melakukan satu eksperimen ke atas tiga benih pokok dari jenis yang sama. Ketiga-tiga pokok ini ditanam dengan cara yang sama, menggunakan baja dan siraman yang sama. Hanya yang berbeza : Pokok pertama, ditanam tanpa mengucapkan apa-apa perkataan. Diam sahaja. Pokok kedua, ditanam dengan mengungkapkan kata-kata kesat atau caci maki. Manakala pokok ketiga, ditanam dengan membacakan ayat-ayat suci Al-Quran. Ketiga-tiga pokok ini dijaga dengan penjagaan yang sama sekitar enam bulan lamanya.

Setelah cukup enam bulan, didapati: Pokok pertama yang ditanam secara pasif tanpa mengucapkan sebarang perkataan, ia tumbuh, cuma dalam keadaan biasa-biasa saja. Pokok kedua, yang ditanam dengan mengungkapkan kata-kata kesat atau cacian, didapati, pertumbuhannya adalah bantut, ibarat hidup segan mati tak mahu. Manakala pokok ketiga, yang ditanam dengan membacakan ayat-ayat suci Al-Quran, didapati, pertumbuhannya adalah sangat baik, segar lagi subur.

Maka dari kajian ini, telah mewajarkan untuk kita merumus, bahawa tumbuh-tumbuhan itu memang, memang ia benar-benar hidup, malah mempunyai daya mendengar, daya melihat dan daya merasa. Kerana itulah, pertumbuhannya boleh berbeza, hasil daripada apa yang didengar, dilihat dan dirasa olehnya.

Ya, tanam-tanaman, mendapat perhatian istimewa daripada Allah. Kerana itu, kita yang masuk kebun, masuk ladang yang berisi dengan tanam-tanaman, Allah ingatkan kita supaya jangan masuk kosong, tetapi masuklah dengan beradab. Apa ia adab masuk kebun itu? Allah berfirman dalam Surah al-Kahf, ayat 39 :

Tafsirnya : "*Sepatutnya, semasa engkau masuk ke kebunmu, engkau berkata :*

(Apa-apa yang ada dalam kebun ini adalah takluk semuanya di bawah kehendak Allah. Tiada daya upaya melainkan dengan pertolongan Allah jua)."

Ya, Allah suka tumbuh-tumbuhan. Allah suka bumi hijau. Apa yang tumbuh dan mekar di dalam kebun, di dalam ladang, bukan mahunya sesiapa, tetapi Allahlah yang menumbuhkannya. Kerana itu, apabila masuk kebun, masuk ladang dan melihat tumbuh-tumbuhan di dalamnya, maka janganlah lupakan Allah. Sebutlah nama-Nya :

InsyaaAllah, apabila dilakukan ini, kebun dan ladang akan berada dalam selamat di bawah pemeliharaan Allah.

Jadi para hadirin, memang bertepatan sekali kalau negara kita, Brunei Darussalam benar-benar mengambil berat terhadap sektor pertanian, dan lebih menggembirakan lagi ialah, raja kita sendiri telah pun berulang kali memberikan galakan dan perangsang untuk negara ini berusaha menyara diri sendiri dengan hasil pertanian, khasnya hasil padi selaku makanan asasi.

Ke muka 7

Dari Sidang Pengarang

12 DISEMBER 2018 BERSAMAAN 1440 ربيع الأخير 4

RASUAH MUSUH PEMUSNAH NEGARA

RASUAH jika dibiarkan akan boleh menghancurkan sesebuah negara. Apa akibatnya jika sesebuah negara itu dikuasai oleh para perasuah? Pastinya yang kaya akan jadi kaya, manakala yang miskin akan kekal jadi miskin.

Manakala segala hasil negara yang sepatutnya dirasai bersama akan menjadi hak individu atau kelompok sahaja. Ke manakah hala tuju negara berkenaan jika perkara ini berterusan membelenggu?

Pastinya segala ini akan membawa kepada kemunduran sesebuah negara, tidak ada negara yang berkeyakinan untuk melabur di negara berkenaan jika rasuah tidak dapat diselesaikan oleh para pemimpin yang sepatutnya secepat mungkin.

Selepas itu apa bakal terjadi pada kemajuan ekonomi dan masa depan negara berkenaan? Kalau tidak sekarang, mungkin lama-kelamaan negara berkenaan akan merundum dalam kemunduran dan kegelapan rasuah.

Keadilan tidak dapat dilaksanakan, kemajuan tidak dapat dirasakan, kesejahteraan tidak dapat dikecapi, apalagi keamanan jauh sekali. Jangan biarkan rasuah kecil bakal menguasai diri, bakal menindas yang tidak berpunya.

Laksanakan tugas dan tanggungjawab kerana Allah semata, laksana usaha dengan niat betul jua, jangan alpa dengan kekayaan dunia semata, kenangkan masa depan anak bangsa ke depannya jua.

Jangan kerana inginkan kemewahan dunia, segala peraturan dan hukuman agama disimpan ke tepi, wang menjadi timbangan berat bagi keputusan dibuat semata, kuasa menjadi impian utama yang ingin dikecapi.

Kesan yang diberikan kepada negara kekal abadi, hingga segenap pelusuk mahupun organisasi bakal mengalami sama, jangan biar generasi masa depan bakal mengalami, menghadapi segala kesan dan akibat dalam kemunduran berkurun lamanya.

Ingatlah bahawa rasuah bukanlah kawan sejati kita, bahkan bukan sumber pendapatan sampingan kita, bukan sebagai sumber kemewahan dunia, bukan sebagai harapan pada kuasa yang didamba.

Rasuah pemusnah negara, rasuah musuh negara, perasuah adalah pemusnah negara, perasuah adalah musuh negara, bahkan mereka adalah peniaga haram negara, musuh dalam selimut yang bukan sahaja merugikan negara juga bangsa kita.

Elak diri daripada terjerumus dalam kancah rasuah, memang memberikan pulangan yang mewah, bahkan dapat memberikan kuasa yang kekal dan nampak tidak rebah, namun akibat akan merosak negara hingga menjadi lemah rebah.

Marilah kita laksanakan segala tugas dan tanggungjawab dengan niat ikhlas kerana Allah, semoga pohon yang rendang akan kekal teguh, dengan baja kepercayaan, keikhlasan dan keberkatan daripada Allah.

Rasuah dibendung, rasuh dihalang, rasuah dikekang, negara gemilang, rakyat cemerlang, agama dijulang. Jangan biar kita tenggelam dalam kealpaan, jangan biar kita khayal dengan kekayaan, jangan biar kita leka dengan kuasa di tangan, jangan biar kita mewariskan kerosakan, jangan biar kita menjadi musuh seperti gunting dalam lipatan. **- Ketua Penyuntingan (Nb).**



Masihi DISEMBER	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12	RABU	4	4.45	4.55	6.18	6.43	12.15	3.37	6.09	7.24
13	KHAMIS	5	4.45	4.55	6.19	6.43	12.15	3.37	6.09	7.24
14	JUMAAT	6	4.46	4.56	6.19	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
15	SABTU	7	4.46	4.56	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
16	AHAD	8	4.47	4.57	6.20	6.45	12.17	3.38	6.11	7.26
17	ISNIN	9	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
18	SELASA	10	4.48	4.58	6.21	6.46	12.18	3.39	6.12	7.27

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

Resepsi Ulang Tahun Hari Kebangsaan Qatar

MEWAKILI Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Qatar ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri, Datin Hajah Nahriah binti Haji Hasbi (kanan). Manakala gambar kiri, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menerima cenderahati daripada Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Qatar, Tuan Abdulla Majed Al-Jassim pada Majlis Resepsi tersebut.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Dari muka 1

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan diikuti dengan Lagu Kebangsaan Qatar dan diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh qari jemputan, Awang Mohamad bin Ali.

Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin seterusnya dijunjung bagi memotong kek sempena Hari Kebangsaan Qatar bersama Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Qatar, Tuan Abdulla Majed Al-Jassim; Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Kesultanan Oman, Tuan Mahmood Khamis Mohamed Al-Hinai dan Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Kuwait, Tuan Ali Al-Astad selaku wakil-wakil dari Gulf Cooperation Council (GCC).

Hubungan diplomatik Negara Brunei Darussalam dan Qatar telah mencapai kemajuan besar dalam hubungan dua hala yang diperkukuhkan dengan beberapa persetujuan dan memorandum persefahaman bagi menguatkan dan mengembangkan lagi kerjasama yang lebih erat dalam pelbagai bidang.

Qatar menyambut Hari Kebangsaannya setiap 18 Disember dan Jawatankuasa Penganjur Sambutan Hari Kebangsaan Qatar memilih 'As long as it was proven by our deeds', iaitu ayat yang dipetik daripada salah sebuah puisi karya Pengasas Qatar, Sheikh Jassim bin Mohammed Al-Thani sebagai moto sambutan pada tahun ini.

Bersama menjayakan Hari Kebangsaan Ke-35, 2019

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (tiga , kiri) selaku Pengerusi semasa berucap pada Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019. Turut hadir ialah Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam; wakil Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ahli-ahli dan wakil ahli Jawatankuasa Tertinggi sambutan tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

Dari muka 1

Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 tersebut merupakan mesyuarat susulan kepada mesyuarat pertama yang telah diadakan pada 3 ovember 2018 yang lalu di mana mesyuarat tersebut telah mendengarkan laporan-laporan daripada Urus Setia Sambutan terhadap persiapan-persiapan yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang telah dilantik.

Mesyuarat antara lain turut membincangkan Catatan Minit Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi; pemilihan logo sambutan; laporan mengenai status acara-acara sambutan dan acara-acara sampingan.

Turut hadir ialah Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam; wakil Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ahli-ahli dan wakil ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, 2019.

Pameran Jejak Seni Bina dan Mercu Tanda Islam, 17 Januari

MESYUARAT dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan. Juga hadir, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (kiri) selaku Penasihat Jawatankuasa Pandu Bandar Seri Begawan, Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Dari muka 1

Mesyuarat seterusnya mengesahkan catatan Minit Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pandu dan mendengarkan laporan status persiapan Jawatankuasa Kerja dalam menyambut Bandar Seri Begawan Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019.

Mesyuarat turut memaklumkan bahawa salah satu acara utama sebagai pembuka tirai sambutan ialah Pameran Jejak Seni Bina dan Mercu Tanda Islam Bandar Seri Begawan yang dijangka akan diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 17 Januari 2019.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga mengongsikan bahawa laporan status persediaan Negara Brunei Darussalam bagi sambutan ini telah dilaporkan dalam mesyuarat khas, iaitu Extraordinary Meeting of the Islamic Culture Ministers yang berlangsung pada hujung bulan November 2018 di Manama, Kingdom of Bahrain dan ia disambut baik oleh Menteri-menteri Kebudayaan yang hadir.

Juga hadir pada mesyuarat berkenaan ialah Timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dan Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Bandar Seri Begawan Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019.

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada mesyuarat tersebut.

14 keluarga terpilih terima agihan wang zakat MUIB

PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu menyerahkan kupon dari kumpulan wang zakat asnaf fakir miskin untuk pembelian peralatan dan pakaian awal persekolahan kepada salah seorang penerima.

SELAIN daripada peralatan persekolahan, kupon daripada kumpulan wang zakat asnaf fakir miskin juga boleh digunakan untuk membeli pakaian awal persekolahan di Nazmi Sendirian Berhad.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Selasa, 11 Disember. - Seramai 37 penerima terdiri daripada 14 buah keluarga yang terpilih di Daerah Tutong menerima agihan wang zakat dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Sejumlah BND1,850 berupa kupon yang diambil daripada Peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin bagi pembelian peralatan dan pakaian persekolahan tahun 2019 diserahkan kepada penerima dari golongan Asnaf Fakir Miskin di daerah tersebut.

Majlis penyerahan diadakan di Tutong Central Mall, Pekan Tutong yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu.

Kupon-kupon tersebut boleh digunakan untuk pembelian di Bismi Trading Sendirian Berhad dan Nazmi Textile Mall dan juga beberapa buah toko buku lain yang dipilih.

Jumlah agihan Wang Zakat awal tahun persekolahan yang akan diagihkan adalah sebanyak BND461,850 yang diperuntukan kepada 6,551 orang penerima yang terdiri dari asnaf fakir dan miskin di seluruh negara, dan peruntukan tersebut diambil daripada Kumpulan Wang Zakat Majlis Ugama Islam.

Hanya sebahagian daripada jumlah 6,551 orang yang terdiri daripada Asnaf Fakir dan Miskin seluruh negara akan menerima agihan awal tahun persekolahan berbentuk kupon, manakala sebahagian yang lain akan menerimanya melalui akaun bank masing-masing.

Dengan adanya agihan zakat itu dihasrat akan dapat membantu meringankan beban dalam persediaan awal tahun persekolahan anak masing-masing dan diharapkan semoga para Asnaf Fakir Miskin dan keluarga akan sentiasa taat menunaikan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya.

PMB penyampai maklumat, menyokong, menghargai usaha kerajaan membangun negara

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

KUALA BELAIT, Selasa, 11 Disember. - Peserta-peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang terdiri daripada penduduk-penduduk Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking menghadiri taklimat penerangan daripada beberapa agensi kerajaan yang dijemput, bertempat di Dewan Serbaguna Mau, Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait.

Juga hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi / Ketua Kampung Labi I. Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Penolong Pegawai Penerangan, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin, selaku Timbalan Pengerusi PMB bagi Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking, yang antara lainnya menjelaskan bahawa PMB merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan dalam menyampaikan maklumat rasmi dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan, agar masyarakat, terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara, terutamanya bagi mencapai Wawasan 2035.

Pada majlis tersebut para peserta yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Merangking, Awang Raimey bin Abdullah selaku Ketua Peserta Kampung Merangking dan Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Kampung Bukit Sawat, Awang Haji Junaidi bin Teradi, selaku Ketua Peserta Kampung Bukit Sawat berpeluang mendengarkan taklimat.

Taklimat pada sebelah pagi tersebut dimulakan dengan Sesi Taklimat 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, antaranya menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci dan ini juga merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penduduk melalui Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

Sementara dalam Sesi Taklimat kedua dari Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri, bertajuk 'Adat Istiadat Negara Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Awang Muhammad Zaizul bin Haji Daud, antaranya menjelaskan mengenai pengunaan Terasul dan Bahasa Pengganti Diri (Bahasa Dalam).

Manakala pada sebelah petang pula, para peserta berpeluang mendengarkan taklimat dari Darussalam Enterprise (DARe) bertempat di Auditorium, Anggerek Desa Technology Park.

Pada sesi taklimat yang disampaikan oleh Penasihat Perniagaan dan Perkhidmatan, DARe, Dayang Nazurah binti Razak menjelaskan mengenai fungsi dan peranan DARe dalam pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta objektif DARe untuk membangun perusahaan menjadi penggerak perkembangan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan serta membangunkan PMKS dengan menggalakkan budaya keusahawanan, menggalakkan sumbangan PKMS ke arah ekonomi juga membarigakan kepada peserta apa jenis bantuan yang disediakakn oleh DARe dan berkongsi sama peluang berniaga dalam kalangan seluruh lapisan masyarakat.

Taklimat pada sebelah petang diakhiri dengan taklimat dari agensi JobCentre Brunei yang disampaikan oleh Dayang Qairawani binti Haji Yacob dengan tajuk 'Isu Pengangguran dan Memilih Pekerjaan'. Isi taklimat antaranya menyentuh mengenai dengan peranan JobCentre Brunei dalam membentuk anak tempatan mencari pekerjaan.

Tujuan PMB adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan juga usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat, seperti melalui taklimat-taklimat dan lawatan-lawatan, dengan harapan untuk mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Program ini juga dapat memberi manfaat, pengalaman dan inspirasi kepada para peserta melalui taklimat-taklimat dan lawatan-lawatan yang dijalankan, bahkan program ini juga menjurus kepada mendekati orang ramai secara bersua muka yang masih relevan dalam zaman canggih sekarang kerana ia lebih bersifat *personal* dan interaksi yang lebih berkesan juga dapat memberikan jalinan muhibah yang baik di antara warga Perkhidmatan Awam dan swasta bersama masyarakat.

Selain itu, melalui PMB itu juga ia dihasrat dapat menjadi salah satu medium dalam menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Yang Ke-72 Tahun, yang mana baginda menitahkan bahawa salah satu langkah ke arah pertumbuhan ekonomi ialah dengan meneroka sektor pertanian dan sektor tersebut sangat penting untuk kehidupan kerana ia memainkan peranan utama dalam pembinaan tamadun.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput (dua, kanan) juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi / Ketua Kampung Labi I hadir selaku tetamu kehormat pada Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking. Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (kanan).

SESI Taklimat 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin (kanan), selaku Timbalan Pengerusi PMB bagi Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking (atas), sementara gambar bawah, antara peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang terdiri daripada penduduk-penduduk Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking menghadiri taklimat penerangan dari agensi JobCentre Brunei.

Pelbagai aktiviti sempena BDF, Daerah Belait, 21 - 23 Disember

EVENT Specialist dari RYS Entertaiment, Aravind Perumal pada Sidang Media memberi taklimat mengenai pelbagai aktiviti yang bakal diadakan semasa KBku Ceria bermula dari 21 hingga 23 Disember.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Disember. - Bersempena dengan Brunei December Festival (BDF) 2018, pelbagai acara dan aktiviti diaturkan untuk rakyat dan penduduk di negara ini bagi mengisi masa cuti persekolahan dan mengamalkan untuk berbelanja di negara sendiri.

Daerah Belait juga tidak ketinggalan untuk memeriahkan suasana cuti persekolahan ini dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang diraikan sama dengan KBku Ceria bermula dari 21 hingga 23 Disember.

Event Specialist dari RYS Entertaiment, Aravind Perumal semasa Sidang Media yang diadakan di Bilik Daya Saing, Jabatan Kemajuan Pelancongan, antara lain menjelaskan, acara selama tiga hari itu nanti akan dibahagikan kepada enam zon, iaitu Zon Aktiviti; Zon Kanak-kanak; Zon Kesihatan; Zon Jom Makan dan E-Sports; Zon Main dan Zon Petunjukan Kereta.

Katanya, lokasi bagi acara tersebut akan bermula dari Jalan Sungai hingga ke kawasan Sekolah Chung Hwa Kuala Belait, yang mana jalan dan kawasan yang terlibat akan ditutup selama acara diadakan dan para pengguna jalan raya bolehlah melalui jalan alternatif, iaitu melalui Jalan Maulana.

Sementara itu, Awang Haffiz Isamuddin juga selaku Event Support RYS Entertainment menerangkan, antara program dan aktiviti yang akan diadakan adalah seperti Perlawanan Bola Keranjang 3 vs 3; Futsal 5 Orang Sepasukan; Laluan Kerlipan Cucul; Zumba dan banyak lagi.

Masuk adalah percuma dan orang ramai adalah dialu-alukan hadir untuk sama-sama memeriahkan suasana acara.

Timbalan Mufti Kerajaan hadiri Persidangan Islam Antarabangsa

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Timbalan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin bertolak ke Makkah, Arab Saudi bagi menghadiri Persidangan Islam Antarabangsa yang akan berlangsung selama dua hari bermula pada 12 sehingga 13 Disember.

Persidangan Islam Antarabangsa yang dianjurkan oleh Muslim World League (MWL) bertema "Perpaduan Islam : Risiko Pengklasifikasian dan Pengecualian" tersebut diadakan di Makkah Hilton Convention Hotel.

Turut mengiringi beliau ke persidangan tersebut ialah Pemangku Ketua Istinbat, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Abd. Rahman bin Pengarah Haji Mokti.

MWL adalah satu pertubuhan Islam bukan kerajaan (NGO) yang berpusat di Makkah, Arab Saudi, ditubuhkan pada tahun 1962 dan antara lain bertujuan untuk menonjolkan ciri-ciri Islam yang sebenar dengan prinsip toleransinya, memberikan bantuan kemanusiaan, memperluas jaringan dialog dan kerjasama dengan semua ahli.

Pertubuhan itu banyak membiayai projek-projek pembinaan masjid di seluruh dunia, bantuan kewangan bagi umat Islam yang ditimpa bencana alam dan pengedaran naskhah-naskhah Al-Quran.

TIMBALAN Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin bertolak ke Makkah, Arab Saudi bagi menghadiri Persidangan Islam Antarabangsa yang akan berlangsung selama dua hari bermula pada 12 sehingga 13 Disember. Turut mengiringi beliau ke persidangan tersebut ialah Pemangku Ketua Istinbat, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Abd. Rahman bin Pengarah Haji Mokti.

Tingkatkan pengetahuan terhadap cuaca negara

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Seramai 93 peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta orang awam menghadiri Taklimat Cuaca Kebangsaan Kali Keempat bagi tahun 2018 anjuran Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Perhubungan yang berlangsung di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Taklimat Cuaca Kebangsaan kali ini menumpukan kepada cuaca, iklim dan ramalan jangka panjang sepanjang tempoh Monsun Timur Laut dari bulan Disember 2018 hingga ke bulan Februari 2019 bagi Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Pegawai Kajicuaca, Ahli Meteorologi dari Jabatan Kajicuaca, Awang Hassanul Kamal bin Haji Adam.

Taklimat tersebut merupakan salah satu inisiatif BDMD dalam usaha meningkatkan penglibatan kumpulan-kumpulan pengguna, seperti Kumpulan Tindakan Awal dan Keselamatan (Safety and First Responders), Kumpulan Ekonomi dan Industri, Pembinaan, Syarikat Insurans, Perusahaan Kecil dan Sederhana serta pihak Media Massa.

Matlamat utama taklimat adalah untuk meningkatkan kefahaman dan kepekaan pelbagai kumpulan pengguna mengenai keadaan cuaca semasa bagi negara.

Selain itu, taklimat juga bertujuan bagi memudah cara kesiapsiagaan masing-masing menghadapi cuaca dan seterusnya untuk meningkatkan kepekaan mengenai iklim Negara Brunei Darussalam.

Turut diadakan adalah promosi dan penjualan buku Coffee Table BDMD bertajuk 'Nubivagant With Wondrous Scenes of The Abode of Peace' dan promosi aplikasi mudah alih Brunei WX, media sosial dan kod amaran cuaca berwarna.

TAKLIMAT cuaca, iklim dan ramalan jangka panjang sepanjang tempoh Monsun Timur Laut dari bulan Disember 2018 hingga ke bulan Februari 2019 bagi Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Pegawai Kajicuaca, Ahli Meteorologi dari Jabatan Kajicuaca, Awang Hassanul Kamal bin Haji Adam.

ANTARA yang hadir pada Taklimat Cuaca Kebangsaan Kali Keempat bagi tahun 2018 anjuran Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Perhubungan.

PPDB berusaha kurangkan kadar kemalangan, jenayah

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Dua Operasi Sekatan Jalan Raya dan satu Operasi Rondaan Pencegahan Jenayah dikendalikan semalam pada Ahad, 9 Disember di beberapa kawasan di Bandar Seri Begawan.

Operasi Sekatan Jalan Raya tersebut menumpukan di kawasan bawah Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan kawasan Kampung Lumapas.

Operasi yang berakhir pada jam 4.30 pagi tersebut berhasil mengeluarkan dua tindakan kompaun ke atas pemandu-pemandu bagi kesalahan cukai jalan, insurans dan lesen memandu yang mansuh.

Manakala Operasi Rondaan Pencegahan Jenayah yang dikendalikan oleh Balai Polis Kampung Ayer dijalankan sepanjang kawasan jalan Sungai Asam hingga ke Jalan Tanjung Dual Kampung Lumapas yang diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Kampong Ayer, Inspektor Hamdan bin Mantul dan lapan anggota Balai.

Sementara di Daerah Tutong pula, Operasi Sekatan Jalan Raya juga turut dijalankan daripada Balai Polis Tutong dan Balai Polis Lamunin yang dianggotai seramai 36 anggota diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Tutong, Inspektor Ahmad Faez bin Haji Mohd. Hani.

Operasi yang dijalankan di kawasan jalan Masjid Kampung Sengkarai dan kawasan jalan berdekatan Tanah Perkuburan Islam Kampung Sengkarai itu mendapati 23 kesalahan kompaun juga tiga kesalahan doket kerana kereta yang dipandu tidak dilindungi insurans.

Antara kesalahan kompaun yang diambil tindakan ialah mengubah suai kenderaan, tidak mempunyai lesen memandu yang sah, lesen memandu dan cukai jalan mansuh juga tayar tidak selamat untuk digunakan (keluar benang).

Pasukan Polis Diraja Brunei akan sentiasa berterusan mengadakan operasi sedemikian bagi memastikanpengguna-pengguna jalan raya patuh pada undang-undang jalan raya, di samping berusaha untuk mengurangkan kadar kemalangan lalu lintas dan jenayah.

OPERASI Sekatan Jalan Raya yang dikendalikan oleh PPDB bagi memastikan pengguna-pengguna jalan raya patuh pada undang-undang jalan raya, di samping berusaha untuk mengurangkan kadar kemalangan lalu lintas dan jenayah.

Pertanian aset kehidupan

Dari muka 2

Kepentingan sektor pertanian sudah dikenal pasti dari semenjak zaman berzaman lagi. Para ahli Agronomi sentiasa memberikan penekanan di dalam kajian-kajian mereka, dan malah Islam sendiri juga telah meletakkan pertanian itu sebagai pekerjaan utama. Imam an-Nawawi Rahimahullah berpendapat di dalam kitab sahihnya, bahawa pertanian adalah bidang yang afdhal untuk diceburi, kerana ia merupakan hasil keringat sendiri, bermanfaat untuk manusia dan juga untuk binatang.

Demikian itulah pertanian, ia telah menjanjikan apa yang terbaik, termasuk menjanjikan 'pahala sedekah' yang berpanjangan, sebagaimana maksud hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam :

"*Tiada seorang Muslim, yang menanam tanaman, melainkan apa yang dimakan daripada tanamannya itu, adalah ia sedekah baginya. (Malah) apa yang dicuri dari tanamannya, juga jadi sedekah, dan yang dimakan oleh burung, juga jadi sedekah*."

Kerana itu bagi Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, kerja bertanam atau bertani adalah kerja yang mesti disegerakan, yang tidak boleh ditangguh-tangguh, sebagaimana maksud sebuah hadits riwayat Ahmad :

"*Andainya kiamat datang sekalipun, sedang di tangan seorang dari kamu ada sebatang anak kurma, maka hendaklah, tanpa bertangguh, dia menanamnya.*"

Apa makna ini? Maknanya, kerja bertanam, kerja bertani adalah kerja asasi yang tidak boleh ditangguh-tangguh, mengapa? Kerana ia adalah survivabiliti bangsa dan negara, kelangsungan hidup bagi bangsa, kelangsungan hidup bagi negara.

Ini, amat mudah untuk dibayangkan. Ya, cuba bayangkan! Andainya kita ini tidak bertanam, tidak bertani, cuma semata-mata bergantung kepada import semata-mata, apakah akan jadi, sekiranya berlaku peperangan, berlaku bencana alam di negara pengeluar atau pembekal, atau berlaku lain-lain gangguan sehingga bekalan sukar atau tidak dapat di datangkan, maka di mana kita pada ketika itu, di mana hendak dicari jalan untuk mengatasi musibah ini?

Dalam Al-Quran, Allah telah merakam satu pengajaran yang amat hebat, melalui kejadian di zaman Nabi Allah Yussof Alaihissalam : Di zaman baginda itu, raja Mesir, telah bermimpi melihat tujuh ekor lembu betina yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus dan raja juga melihat tujuh tangkai gandum yang hijau dilingkari oleh tujuh tangkai lain yang kering.

Raja meminta pembesar-pembesarnya untuk menafsir mimpi ini. Tetapi tidak seorang pun yang sanggup menafsirnya. Sehinggalah perkara itu dibawa kepada Nabi Allah Yussof Alaihissalam, lalu baginda pun menafsirnya dengan berkata, firman Allah Ta'ala dalam Al-Quran, Surah Yussof : 47

Tafsirnya : "*Hendaklah kamu bercucuk tanam selama tujuh tahun berturut-turut, dan apa yang kamu tuai (simpan ia dan) biarkan kekal pada tangkainya (supaya tidak cepat rosak), kecuali sedikit sahaja untuk kamu makan*."

Mengapa mesti bertanam selama tujuh tahun berturut-turut? Mengapa mesti berterusan selama tujuh tahun itu? Tidak bolehkah diselang-seli, misalnya, setahun atau dua tahun bertanam, kemudian tahun ketiga kita rehat? Kita tidak bertanam? Apakah tidak boleh dengan cara yang demikian ini? Jawabnya, ya tidak boleh. Malah Allah tetap berfirman :

Kamu mesti bertanam secara terus menerus selama tujuh tahun.

Mengapa ya Allah? Mengapa begitu?

Allah menjelaskan :

(Surah Yussof : 48)

Tafsirnya : "*(Mengapa mesti bertanam selama tujuh tahun berturut-turut) kerana selepas tempoh tujuh tahun bertanam itu, akan datang pula tujuh tahun kemarau yang akan menghabiskan bekalan makanan kamu, kecuali sedikit (baki) yang kamu simpan*."

Ah ini makanya, Allah perintahkan supaya terus bertanam selama tujuh tahun tanpa berhenti-henti. Kerah tenaga selama jangka masa itu, kerana selepas itu nanti akan datang pula tujuh tahun kemarau menimpa negeri. Bayangkan! tujuh tahun kemarau. Setakat sebulan dua kemarau pun sudah cukup memeritkan, tanah-tanah merkah, tumbuh-tumbuhan kering kontang tidak mampu untuk hidup dan binatang-binatang ternak juga mati. Betapa, ya betapa kalau tujuh tahun kemarau adalah satu malapetaka yang tidak boleh digambarkan.

Tidak syak lagi, ayat ini adalah satu 'ilmu besar', ilmu ekonomi 'tertinggi' yang hebat, yang belum pernah diteroka oleh mana-mana pihak atau pusat pengajian tinggi di dunia, tetapi ia telah lebih awal sejak dari ribuan tahun lagi waallahu a'lam, telah pun diajar oleh Allah sendiri kepada nabi-Nya, Sayyidina Yussof Alaihissalam dan umat Baginda, yang kemudian diwariskan pula kepada Nabi dan umat akhir zaman melalui Al-Quran.

Sekali lagi sila perhati, Allah tidak menyuruh supaya negara dan kerajaan Nabi Allah Yussof mengimport makanan, import banyak-banyak untuk menghadapi kemarau panjang selama tujuh tahun, tidak! Tetapi yang Allah suruh ialah, tanam sendiri, hasilkan makanan dengan titik peluh sendiri, sara diri dengan tangan sendiri, bukan bergantung bulat-bulat kepada import.

Ah ini ia cara yang betul menurut 'ilmu Allah', ilmu ekonomi ketuhanan yang telah dicanang oleh Al-Quran semenjak dari 1400 tahun lebih lagi, sebelum pakar-pakar ekonomi dunia lahir ke dunia ini, seperti 'nama-nama besar' yang selalu disanjung-sanjung : Adam Smith (1723-1790); Thomas Robert Malthus (1766 - 1834); David Ricardo (1772-1823) dan lain-lain lagi.

Kalau kita melihat cara orang lain menjana sektor pertanian, kedapatan, ada di antara mereka itu seakan-akan merekalah yang mengikut saranan Al-Quran dan Al-Hadis, iaitu aktif bertanam, terus bertanam, tidak bertangguh dari bertanam, menghidupkan bumi dengan tanaman, membangun ekonomi melalui pertanian. Pada ketika ini, terdapat senarai negara-negara pertanian teratas di dunia, mereka itu terdiri : Tempat pertama : China; tempat kedua : India; tempat ketiga : Amerika; tempat keempat : Indonesia; tempat kelima : Brazil; tempat keenam : Nigeria; tempat ketujuh : Turki; tempat kelapan : Jepun; tempat kesembilan : Argentina dan tempat ke-10 : Thailand.

Mereka ini adalah negara-negara yang sangat berjaya dalam pertanian. Mereka gigih dan tidak pernah berhenti dari mengusahakan tanah untuk pertanian. Salah sebuah dari negara-negara tersebut yang wajar untuk dikagumi sebagai contoh ialah negara Jepun.

Walaupun Jepun sering-sering terjejas oleh bencana alam, termasuk Tsunami, banjir, taufan, gempa bumi, letusan gunung berapi dan paling dahsyat sekali ialah penangan bom Atom ke atasnya dalam Perang Dunia Kedua. Namun selepas pasca perang, Jepun bangkit menjana ekonominya dengan kerja keras sejak dari 65 tahun, bermula dari sifar sehingga kini, Jepun telah menjadi salah sebuah kuasa besar ekonomi dunia.

Pada tahun 1992, sistem koperasi pertanian yang dipanggil dengan nama ringkas JA, gabungan dari perkataan Japan and Agriculture telah diperkenalkan. Walaupun hanya 12 peratus dari keluasan tanah di Jepun yang digunakan untuk pertanian, namun hasilnya memberi impak yang sangat baik. Hasil-hasil penting pertanian Jepun ialah padi, kentang, jagung, gandum, kacang dan teh. Manakala sayur-sayuran pula terdiri dari kobis, timun, lobak dan tomato.

Menurut statistik 2010, Keluaran Negara Kasar Jepun ialah sebanyak 481.77 trillion Yen. Sebanyak 8.19 trillion adalah diperolehi daripada sektor pertanian. Pada tahun 2012, Jepun menyasarkan produk pertaniannya sebanyak 69 peratus, kemudian sasaran pada tahun 2015 pula ialah sebanyak 76 peratus. Sekarang kita sudah berada di penghujung tahun 2018, saya belum terbaca lagi berapa peratuskah pula penambahan atau peningkatan yang dicapai oleh Jepun.

Sepatutnya kita umat Islam, sudah lebih awal memahami perkara ini, betapa pentingnya kerjaya bercucuk tanam itu, kerana Al-Quran telah pun mengajar dan menunjuk cara, bagaimana, untuk meyelamatkan umat dan negara itu, kita adalah dikehendaki supaya bercucuk tanam. Sekiranya umat Nabi Yussof Alaihissalam enggan menyahut perintah Allah untuk bertanam selama tujuh tahun tanpa berhenti-henti, nescaya umat ini akan binasa.

Demikian itu petunjuk Al-Qur'an, bercucuk tanam tidak ada titik noktahnya, siapa sahaja, kerajaan dan rakyat jelata, perlu terlibat, bergerak bersama-sama, muda atau tua, belia dan remaja, tidak ada kecualinya. Jangan kata : "Saya sudah tua, tidak perlulah lagi turut-turutan untuk bertanam-tanaman, cukuplah orang muda-muda sahaja." Atau menteri berkata : "Saya Menteri, memadailah sektor pertanian itu dikendalikan oleh pegawai-pegawai bawahan saya sahaja."

Tidak! Sikap begini salah! Orang tua dan menteri, kalaupun mereka tidak turun sendiri ke sawah / ke ladang, tidak menyangkul, tidak berhujan dan berpanas, tetapi kepimpinan mereka adalah berguna, idea mereka berguna, ilmu dan pengalaman mereka berguna, komitmen mereka tetap ditagih dan diperlukan.

Sila perhatikan! Raja kita saudara, telah pun memberikan pimpinan bermakna, dengan beginda itu berkenan berangkat turun padang melihat-lihat rakyat bercucuk tanam dan berternak dan malah meredah sawah melancarkan penanaman padi dan insya Allah, setelah tiba masanya kelak akan berkenan pula menuai padi.

Ah ini kepimpinan itu. Kalau raja sudah turun padang, mengapa rakyat tidak? Siapa saja yang bernama rakyat : Orang biasakah, orang berpangkatkah, orang mudakah, orang tuakah, semuanya itu diperlukan untuk mendukung kepimpinan ini.

Sebagai kesinambungan dari budaya bertanam tanpa mengira usia, izinkan kita untuk mengulangi menyebut sebuah kisah yang sungguh mengkagumkan. Kisah ini berlaku di zaman Kisra Raja Parsi.

Pada suatu hari, raja ini bersiar-siar dengan para pengiringnya. Tiba-tiba raja ternampak seorang peladang tua, yang sudah benar-benar tua lagi daif pula, sedang menanam sebatang pohon kurma. Ya, pohon kurma. Semua orang tahu pohon kurma bukan seperti pohon mangga. Pohon kurma, untuk ia berbuah mengambil masa yang panjang. Tujuh ke 10 atau lebih tahun baru boleh dituai hasilnya.

Jadi kejadian ini benar-benar menarik perhatian raja, bahkan mengaguminya. Betapa tidak, orang yang sudah setua itu masih saja ada hati untuk bertanam pohon kurma.

Lalu raja pun menghampiri peladang dan bertanya :

Ertinya : "*Wahai orang tua, adakah engkau masih sahaja bercita-cita untuk makan buah kurma dari pohon yang engkau tanam ini? Sedang ia tidak mungkin berbuah melainkan setelah mengambil masa yang panjang, di mana engkau pada ketika itu sudah tiada lagi di dunia ini?*"

Mendengar pertanyaan Raja Kisra, peladang tua menjawab :

Ertinya : "*Wahai tuanku, telah bertanam orang-orang yang terdahulu daripada kita, maka kita pada hari ini memakan hasilnya. Dan sekarang giliran kita pula bertanam untuk anak cucu kita besok-besok memakannya*."

Mendengar jawapan ini, Raja Kisra menitahkan pengawalnya supaya mengurniakan kepada peladang sebanyak 1,000 dinar, kerana tertarik dengan ketinggian hemah dan kesucian hati peladang. Si peladang dengan besar hati menerima kurnia raja sambil berkata :

Ertinya : "*Wahai tuanku, betapa cepatnya pohon kurma patik ini berbuah*."

Mendengar itu Raja Kisra tersentak, kerana amat terpesona dengan kiasan yang bijaksana itu, lalu baginda pun memerintahkan pula, supaya diberi lagi 1,000 dinar kepada peladang. Si peladang menjawati kurnia Raja sambil berkata pula :

Ertinya : "*Wahai tuanku, alangkah ajaibnya, pohon kurma ini berbuah dua kali dalam semusim*."

Mendengar itu, Raja Kisra memerintahkan pula pengawal supaya memberi lagi 1,000 dinar sambil cepat-cepat menghayun langkah meninggalkan peladang sebelum peladang sempat berkata apa-apa lagi.

Demikian itu adanya para hadirin, kisah seorang tua yang tidak tunduk kepada umur tua. Betul dia tua, tetapi hati, semangat dan kemahuannya tetap segar dan muda, bukan untuk dirinya, tetapi untuk generasi yang akan ditinggalkannya. Inilah satu dari ciri keperibadian hebat seorang insan. Tidak diragukan lagi, bertuahlah bangsa dan negara yang memilikinya.

Ampun beribu ampun,

Sekian saja, banyak-banyak menjunjung ampun, sekiranya berlaku sorok langkah atau sesuatu yang kurang manis dilihat atau didengar disepanjang penyampaian ini.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

Menjunjung anugeraha.

'SEPATUTNYA kita umat Islam, sudah lebih awal memahami perkara ini, betapa pentingnya kerjaya bercucuk tanam itu, kerana Al-Quran telah pun mengajar dan menunjuk cara, bagaimana, untuk meyelamatkan umat dan negara itu, kita adalah dikehendaki supaya bercucuk tanam. Sekiranya umat Nabi Yussof Alaihissalam enggan menyahut perintah Allah untukbertanam selama tujuh tahun tanpa berhenti-henti, nescaya umat ini akan binasa.'

SMARTER Brunei terima sumbangan derma

NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz (dua, kanan) dan Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman (tiga, kanan) menyerahkan sumbangan derma kepada Presiden SMARTER, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman (dua, kiri).

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Selasa, 11 Disember. - Majlis Penyerahan Sumbangan Derma kepada SMARTER Brunei diadakan di pusat SMARTER, Kampung Sungai Hanching.

SMARTER menerima sumbangan sebanyak BND4,181 hasil daripada kutipan acara Varsity Cycle 4.0 yang berlangsung pada 7 Oktober lalu.

Sumbangan diserahkan oleh Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman kepada Presiden SMARTER, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman.

Varsity Cycle 4.0 dianjurkan bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun.

Ia dianjurkan dengan kerjasama UBD, UTB, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Majlis diteruskan dengan Penyerahan Sumbangan Cek bernilai BND1,606.85 kepada SMARTER oleh Naib Canselor UTB.

Sumbangan berkenaan adalah hasil kutipan acara larian dan berbasikal berkebajikan, iaitu UTB Run and Cycle yang diadakan pada 28 Oktober lalu.

Acara tersebut dianjurkan Majlis Perwakilan Pelajar UTB Sesi 2018 / 2019 bersempena Festival Konvokesyen UTB Kelima.

Bertemakan Get Active To Give, ia bertujuan untuk memberikan peluang kepada orang ramai meningkatkan kesejahteraan mereka melalui gaya hidup sihat dan dalam masa yang sama memberikan sumbangan kepada masyarakat juga meningkatkan kesedaran mereka mengenai autisme.

SMARTER Brunei merupakan pertubuhan bukan keuntungan yang dijalankan oleh para ibu bapa dan ahli keluarga individu yang menghidap autisme.

RB terus bantu keperluan NBD dalam pelancongan, perdagangan

KETUA Pegawai Eksekutif Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Karam Chand semasa temu bual bersama Pelita Brunei.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Disember. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) merupakan sebuah syarikat penerbangan nasional Negara Brunei Darussalam (NBD) yang ditubuhkan pada 18 November 1974 sebagai sebuah syarikat bebas dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Ketua Pegawai Eksekutif RB, Karam Chand di Kampus RB, di sini pada baru-baru ini, beliau menjelaskan salah satu strategi RB sebagai sebuah syarikat penerbangan nasional negara ini ialah untuk membantu keperluan negara dari segi pelancongan, perdagangan dan apa jua yang berkaitan.

Perkhidmatan penerbangan jarak jauh tanpa henti antara NBD dan London yang bermula pada 28 Oktober 2018 yang lalu jelasnya, dapat mengembangkan lagi sektor pelancongan dan hubungan ekonomi antara kedua buah negara.

Menurutnya lagi, salah satu objektif syarikat penerbangan tersebut ialah untuk membuat penerbangan di mana yang perlu dari satu ibu negara ke satu ibu negara, termasuk penerbangan ke Tokyo, Beijing dan beberapa buah ibu negara yang lain lagi.

Dari sudut pelanggan pula katanya, pesawat Dreamliners direka untuk penerbangan jarak jauh selama 14 hingga 15 jam dan dengan memperkenalkan produk penerbangan tanpa henti itu akan dapat memendekkan waktu perjalanan bagi memudahkan para pelanggan khususnya mereka yang bertugas di sektor korporat, perusahaan kecil dan sederhana; dan pegawai serta kakitangan kerajaan.

Pelanggan kelas perniagaan (*business class*) tambahnya, dapat menjimatkan masa perjalanan mereka lebih kurang tiga jam memandangkan penjimatan masa adalah penting bagi mereka dan jika dibanding dengan penerbangan melalui Dubai yang mana mereka perlu singgah di sana dan terpaksa melalui pemeriksaan keselamatan dan kemudian balik semula ke kapal terbang.

Selain penjimatan masa penerbangan ujarnya, penerbangan terus ke London juga lebih efisien menjadikannya kriteria yang penting bagi produk penerbangan tanpa henti itu.

Dari segi pendapatan pula katanya, produk penerbangan tanpa henti tersebut dapat memberikan pelanggan pilihan sekiranya mereka ingin menempah penerbangan dari Australia melalui NBD ke London atau dari London melalui NBD ke Australia.

Seperti penerbangan ke Melbourne terangnya, perjalanan pelanggan menjadi lebih menarik dan singkat sehingga 4 ½ jam.

Menyentuh mengenai penerbangan ke Kuching, Sarawak pula, Pegawai Eksekutif RB menjelaskan ia merupakan sebuah rangkaian serantau yang dapat membantu dari segi rangkaian trafik kerana melalui Kuching, para pelanggan akan dapat membuat tempahan dari Melbourne ke Kuching, London ke Kuching, Tokyo ke Kuching melalui NBD.

Dengan penerbangan tersebut, pihak RB mencapai dua tujuan, iaitu *connectivity* terus dan matlamat pendapatan rangkaian.

Menyentuh mengenai dengan hasil jangkaan dari perkhidmatan baharu itu, beliau berharap ia akan dapat memberikan pengalaman yang lebih baik kepada para pelanggan, di samping meningkatkan jumlah pelanggan agar dapat mengembangkan lagi pendapatan dan membangun perkhidmatan operasi yang lebih cekap.

Dari segi perancangan masa hadapan pula, beliau menjelaskan pada masa ini, pesawat-pesawat Airbus A320neo telah pun diperkenalkan bagi menyokong pasaran pelancongan NBD.

Tambahnya lagi, RB juga telah memperkenalkan penerbangan ke Taipei, Changsa dan Haikou.

Jika dibandingkan dengan destinasi pelancongan yang lain menurutnya, NBD telah menerima seramai 260,000 pelancong dari luar negara pada tahun lepas justeru sebelum menjelang tahun 2021, RB berhasrat untuk menjadikan jumlah tersebut meningkat dua kali ganda.

Pakar IAEA kongsi perubatan nuklear, radiofarmaseutikal

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Pakar Pantai Jerudong

PROFESOR Sobhan Vinjamuri (Ketua Perunding dan Profesor dalam Perubatan Nuklear dari Royal Liverpool University Hospital dan President of The British Nuclear Medicine Society) semasa menyampaikan taklimat.

JERUDONG, Selasa, 11 Disember. - Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) telah menganjurkan taklimat Pendidikan Perubatan Berterusan (CME) di Pusat Sumber Kesihatan PJSC yang diadakan pada 5 Disember baru-baru ini.

Taklimat yang dihadiri oleh Doktor dan Profesor Kesihatan Bersekutu dari sektor kesihatan kerajaan dan swasta itu adalah mengenai ubat nuklear, aplikasi klinikal dan kemas kini yang berkaitan.

Taklimat CME telah disampaikan oleh pakar-pakar yang terkenal, iaitu Profesor Sobhan Vinjamuri (Ketua Perunding dan Profesor dalam Perubatan Nuklear dari Royal Liverpool University Hospital dan President of The British Nuclear Medicine Society) dan Profesor Vijay Kumar (Profesor Klinikal, Sydney Medical School & University of Sydney dan Head of Radiopharmaceutical Research Department of Nuclear Medicine, Australia yang dianugerahkan Member of order of Australia) sebagai sebahagian daripada Misi Pakar International Atomic Energy Agency (IAEA) selama lima hari ke Jabatan Perubatan Nuklear di Pusat Kanser Brunei (TBCC).

Taklimat dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada oleh Pengarah Eksekutif Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), Dr. Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar yang juga merupakan Konsultan Pakar Bedah Pusat Pembedahan Plastik Maxillofacial dan Rekonstruktif (MFPRSC).

Beliau mengalu-alukan pakar-pakar IAEA untuk berkongsi pengetahuan mereka tentang aplikasi Perubatan Nuklear dan penggunaan radiofarmaseutikal.

Beliau menyatakan bahawa Jabatan Perubatan Nuklear berfungsi sejak November 2017 dan telah menyediakan perkhidmatan diagnostik nuklear dan terapi radioiodin kepada pesakit.

Jelasnya lagi, pesakit kanser sebelum ini perlu pergi ke Singapura untuk mendapatkan perkhidmatan Perubatan Nuklear yang memerlukan perbelanjaan tinggi dan menyukarkan pesakit untuk melakukan perjalanan.

Kini menurut beliau dengan adanya perkhidmatan tersebut di negara ini, ia bukan sahaja menjimatkan kewangan negara, tetapi juga menyediakan perkhidmatan tempatan kepada pesakit apabila diperlukan dengan segera.

Acara diteruskan dengan taklimat daripada Profesor Sobhan Vinjamuri, bertajuk "Kriteria Penggunaan IAEA yang sesuai untuk FDG PET-CT, syarat-syarat di mana PET CT tidak membantu; Tanda-tanda klinikal Ga-68 PSMA & DOTATATE ".

Ke muka 13

Berganding bahu integrasikan sejarah Islam

Berita dan Foto : Aimi Sani

REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (tengah) semasa hadir pada Majlis Pembukaan Program Perintis Pakar Sejarah Kolaborasi antara Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Kerjasama yang erat dan komitmen yang padu antara pelbagai agensi amatlah penting bagi meningkatkan prestasi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) seterusnya memastikan kejayaan setiap program yang ditawarkan sentiasa relevan dengan keperluan pasaran.

Justeru, dengan terjalinnya rangkaian kerjasama dan perkongsian di antara UNISSA dan agensi-agensi kerajaan mahupun swasta akan dapat merencanakan pelbagai program dalam memastikan *marketability* dan *employability* graduan UNISSA.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa berucap pada Majlis Pembukaan Program Perintis Pakar Sejarah Kolaborasi antara Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), UNISSA bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA, di sini.

Usaha sebegini juga ujarnya, adalah bagi mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Ke-72 Tahun, yang mana baginda antara lain bertitah menekankan kepentingan sejarah itu sendiri dan subjek sejarah Islam wajib diajar di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian di bawah kementerian-kementerian berkenaan dan swasta.

"Baginda amat yakin pendidikan melalui subjek sejarah Islam adalah satu medium penting dalam pembentukan rohani manusia ke arah melestarikan sejarah Islam melalui pendidikan. UNISSA dan PSB perlulah berganding bahu dalam mengintegrasikan sejarah Islam, terutama berkenaan Negara Brunei Darussalam sendiri.

Kita perlu mengetengahkan kepimpinan para sultan, kehebatan para ulama, kesetiaan rakyat jelata zaman dulu dan sekarang dalam mempertahankan ugama Islam sehingga Islam diperkukuhkan dan menjadi agama rasmi negara," terang beliau.

Kerjasama ini tambahnya, akan diperhebatkan dan diperkasakan lagi melalui kolaborasi dalam bidang penyelidikan, di mana penyelidik dari UNISSA boleh bekerjasama rapat dengan penyelidik PSB dalam menjalankan kajian ilmiah dan menyelongkar sumber-sumber serta catatan-catatan sejarah Negara Brunei Darussalam.

Jalinan kerjasama yang erat melalui penyelidikan itu jelasnya, akan menjadi pemangkin kepada kemajuan pendidikan serta penyelidikan, terutama dalam bidang sejarah Islam Negara Brunei Darussalam.

Dr. Awang Haji Norarfan menyeru agar semua pelajar FPPI, UNISSA untuk terus bergiat aktif dan memaksimakan kesempatan yang diberikan melalui program yang dianjurkan sama ada oleh fakulti mahupun universiti.

Antara objektif utama program ini ialah memperkenalkan dan mendedahkan para pelajar kepada pembelajaran secara amali, selain dihasratkan mampu untuk menjana kemahiran insaniah pelajar, iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis, kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan.

Program ini akan dilaksanakan di PSB dengan penglibatan seramai 35 pelajar, di mana 28 pelajar akan menyertai Perintis Pakar Sejarah Berkala (PPSB) dan tujuh orang pula akan menyertai Perintis Pakar Sejarah Intensif.

Program dijangka bermula pada 26 hingga 28 Februari 2019 bagi PPSB dan bagi Perintis Pakar Sejarah Insentif pula akan bermula 10 Disember 2018 hingga 5 Januari 2019.

Contohi didikan Rasulullah

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mengadakan Forum Khas sempena Majlis Maulidur Rasul 1440H.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis forum ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Mahasiswa tahun 1 dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Awang Muhammad Ifwat bin Muhammad Jane.

Majlis dimeriahkan dengan pengisian forum yang disampaikan oleh Pelajar Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab, Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin dan Pelajar Ijazah Sarjana Halalan Tayyiban, Awang Muhammad Akmal bin Awang Tarif. Manakala Dayang Ijlalima Nadzirah binti Haji Md. Yunos, Pelajar Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab sebagai pengerusi bagi Forum Khas tersebut.

Tajuk forum khas ini ialah "Tarbiah Rasulullah Membawa Rahmat Kepada Keluarga".

Antara perkara yang disentuh dalam forum tersebut ialah bagaimana kehidupan berkeluarga yang harmoni dan bahagia itu adalah hasil didikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam yang perlu dicontohi.

Tarbiah atau didikan melalui keperibadian akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam yang murni perlu diterapkan dalam hidup berkeluarga agar persefahaman di antara suami isteri, tanggungjawab terhadap anak-anak dan pertalian silaturahim terus kekal membentuk keluarga sakinah.

Majlis ini juga turut dihadiri oleh Pegawai-pegawai Utama UNISSA, para pensyarah dan mahasiswa.

Majlis diteruskan lagi dengan Dikir Marhaban sempena Maulidur Rasul dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat, diketuai oleh oleh Exco Unit Keagamaan Dan Kerohanian MPP, Ahmad Shafiee bin Aim.

PELAJAR Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab, Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin dan Pelajar Ijazah Sarjana Halalan Tayyiban, Awang Muhammad Akmal bin Awang Tarif. Manakala Dayang Ijlalima Nadzirah binti Haji Md. Yunos, Pelajar Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab sebagai pengerusi pada Forum Khas sempena Majlis Maulidur Rasul 1440H.

Pengeluaran Kad Lesen Memandu Tanpa Mikrocip ditunda 12 Disember

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Perhubungan memaklumkan kepada orang ramai, khususnya pemohon-pemohon baharu dan yang berhajat untuk memperbaharui lesen memandu bahawa Cawangan - cawangan Perkhidmatan Pos tidak akan menerima sebarang permohonan Lesen Memandu buat sementara waktu dan akan hanya mula menerima permohonan-permohonan tersebut bermula Rabu, 12 Disember 2018.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud dalam Sidang Media yang diadakan di Ibu Pejabat JPD, di sini.

Menurut Pengiran Mohammad Amirrizal, perkara tersebut adalah disebabkan berlakunya sedikit gangguan teknikal ke atas sistem bagi mencetak Kad Lesen Memandu Tanpa Mikrocip yang dijadualkan bermula, 10 Disember 2018.

Pihak JPD juga memberikan jaminan permohonan-permohonan baharu akan mula dapat diterima bermula pada Rabu, 12 Disember 2018 bagi Cawangan-cawangan JPD dan sembilan cawangan Perkhidmatan Pos, iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara ialah di Pusat Memproses Mel dan Bungkusan (MPC); Pejabat Pos Sengkurong; Pejabat Pos Seri Kompleks Batu Satu; Pejabat Pos Menglait Gadong dan Pejabat Pos Muara. Bagi Daerah Belait ia boleh dibuat di Pejabat Pos Kuala Belait; Pejabat Pos Seria dan Pejabat Pos Lumut manakala bagi Daerah Tutong di Pejabat Pos Tutong.

Jelasnya, dalam masa yang sama untuk memastikan orang ramai tidak menghadapi sebarang kesulitan semasa operasi penguatkuasaan jalan raya dan semasa membuat perjalanan darat di negara jiran, pihak JPD memaklumkan perkara ini kepada agensi-agensi berkuasa tempatan dan negara jiran bagi sama-sama memastikan orang ramai boleh membuat perjalanan tanpa sebarang masalah.

PEMANGKU Pengarah Pengangkutan Darat, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud semasa sidang media di Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat.

Bagi pemohon-pemohon yang telahpun dikeluarkan resit sebelumnya oleh cawangan JPD semasa membuat permohonan, bolehlah datang ke cawangan JPD berkenaan pada tarikh yang ditetapkan di dalam resit tersebut untuk mendapatkan Kad Lesen Memandu mereka.

Dalam kesempatan ini, pihak JPD juga memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi akibat daripada gangguan teknikal tersebut.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenainya orang ramai boleh menghubungi Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, JPD menerusi talian +673 2451979 / + 673 2451980 sambungan 107 atau menerusi talian +673 2420846 atau melalui e-mel di alamat *info@land-transport.gov.bn* atau menghubungi Talian Darussalam 123.

Mentalkinkan kalimah *Laa Ilaaha Illallah* di sisi orang nazak

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut.

KEMATIAN adalah suatu yang pasti. Semua manusia pasti akan menghadapi mati. Walau di mana pun kita berada dan macamana kukuhnya sekalipun benteng tempat kita berada namun kematian pasti juga mendapati kita. Perkara ini jelas disebutkan dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

Tafsirnya : "Di mana sahaja kamu berada nescaya maut akan mendapatkan kamu sekalipun kamu berada dalam benteng-benteng tinggi yang kukuh..." (Surah an-Nisa' : 78).

Dalam ayat yang lain, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

Tafsirnya : *"Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati..."* (Surah Ali-'Imran : 185).

Ayat ini juga ada disebutkan dalam Surah Al-Anbiya' ayat ke 35 dan Surah Al-Ankabut ayat ke 57.

Sebagai orang Islam, setiap diri kita memang berharap supaya di penghujung hayat kita sebelum menghembuskan nafas terakhir kita, kalimah yang terakhir kita ucapkan ialah kalimah *laa ilaaha illallah*. Ini kerana sesiapa yang di akhir ucapan sebelum matinya menyebut kalimah *laa ilaaha illallah* maka dijanjikan syurga baginya sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Mu'adz bin Jabal Radiallahuanhu bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : *"Sesiapa yang di akhir ucapannya 'laa ilaaha illallah', maka dia akan masuk syurga."*

(Hadis riwayat Abu Daud)

Hukum Mentalkinkan Kalimah "Laa Ilaaha Illallah"

Mentalkinkan (mengajarkan) kalimah syahadah, iaitu *laa ilaaha illallah* kepada orang yang hampir mati atau nazak hukumnya adalah sunat walaupun kepada kanak-kanak yang sudah mumayyiz supaya dia mendapat pahala sebagaimana disebutkan dalam hadis di atas. Perkara mentalkinkan kalimah *laa ilaaha illallah* ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : *"Kamu talkinkanlah (ajarkanlah) sesiapa yang (hampir) mati di kalangan kamu dengan laa ilaaha illallah (tidak ada Tuhan melainkan Allah)."*

(Hadis riwayat Muslim)

Cara Mentalkinkan Kalimah "Laa Ilaaha Illallah"

Terdapat beberapa cara tertentu yang boleh dilakukan dalam mentalkinkan kalimah *laa ilaaha illallah* kepada orang yang nazak itu sebagaimana yang dijelaskan oleh para ulama di dalam kitab-kitab susunan mereka.

Orang yang mentalkinkan kalimah *laa ilaaha illallah* hendaklah menyebutkan kalimah *laa ilaaha illallah* itu tanpa mendesak atau tidak menekan terus menerus supaya orang yang nazak itu tidak merasa meluat atau gelisah. Janganlah menyuruh dia untuk menyebutnya dengan berkata : "Katakanlah, ucaplah atau sebutlah *laa ilaaha illallah* kerana berbuat sedemikian hukumnya makruh. Akan tetapi, ajarkan atau sebutkan kalimah *laa ilaaha illallah* itu di sisinya sekali sahaja supaya dia faham dan ingat untuk menyebut kalimah syahadah itu. Setengah ulama pula mengatakan, ulangi membaca kalimah *laa ilaaha illallah* itu di sisinya sehingga tiga kali.

Begitu juga, janganlah mentalkinkan orang yang dalam nazak itu dengan berkata : "Bersyahadatlah". Ini kerana apa yang hendak dicapai daripada perbuatan mentalkinkan itu ialah supaya kalimah *laa ilaaha illallah* itu merupakan kalimah terakhir yang diucapkannya sebelum dia meninggal dunia, supaya dia berjaya masuk syurga bersama orang-orang yang terdahulu, ataupun masuk syurga tanpa hisab ataupun dia terlebih dahulu masuk syurga berbanding dengan orang yang tidak menyebutkan kalimah *laa ilaaha illallah* itu.

Sekiranya orang yang nazak itu belum juga menyebut kalimah *laa ilaaha illallah* selepas ditalkinkan maka diamlah seketika, kemudian baharulah mentalkinkannya lagi. Manakala jika orang yang nazak itu dapat mengucap kalimah *laa ilaaha illallah* tidaklah perlu lagi diulang mentalkinkannya selagi dia tidak bercakap hal lain sekalipun zikir. Jika orang yang nazak itu bercakap hal lain maka ulangilah mentalkinkannya supaya kesudahan kata-katanya adalah kalimah *laa ilaaha illallah*.

Perbuatan mentalkinkan itu pula dilakukan sebelum orang yang nazak itu dibaringkan miring ke kanan dengan menghadap ke arah kiblat. Namun jika boleh dilakukan perbuatan mentalkinkan dan membaringkan dengan miring ke kanan menghadap ke kiblat orang yang nazak itu sekaligus maka lakukanlah ia dengan serentak. Akan tetapi, jika tidak boleh melakukannya dengan serentak maka mulakanlah dahulu dengan mentalkinkannya.

Bolehkah Kalimah Talkin "Laa Ilaaha Illallah" Ditambah Muhammad Rasulullah?

Adalah tidak disunatkan menambah kalimah "Muhammad Rasulullah" selepas kalimah *laa ilaaha illallah* tersebut, kerana mengikut zahir hadis di atas yang hanya menyebutkan kalimah *laa ilaaha illallah* sahaja.

Orang Yang Disunatkan Mengajarkan Kalimah "Laa Ilaaha Illallah"

Orang yang melakukan talkin itu sunat terdiri daripada orang lain yang bukan daripada ahli waris orang yang ditalkinkan, supaya mengelak daripada tohmahan untuk mendapatkan segera harta waris atau bukan



terdiri daripada orang yang bermusuhan dengannya, orang yang berdengkian dengannya atau seumpamanya. Sekiranya orang lain itu tidak ada, maka orang yang mentalkinkannya ialah ahli warisnya yang lebih kasih sayangnya kepada orang yang ditalkinkan.

Kesimpulannya, mentalkinkan orang yang dalam keadaan nazak hukumnya sunat. Tidak syak lagi, orang yang sedang menghadapi saat-saat kematian amat memerlukan orang-orang yang di sekelilingnya untuk membantunya menghadapi saat-saat getir itu. Salah satu perkara yang boleh dibuat untuk membantunya ialah mentalkinkannya dengan kalimah *laa ilaaha illallah*. Mudah-mudahan dengan mentalkinkannya dia akan dapat melafazkan kalimah *laa ilaaha illallah* sebagai kalimah terakhir sebelum kematiannya. Ini kerana siapa yang dapat menyebutkan kalimah *laa ilaaha illallah* di akhir hayatnya maka orang itu insyaaAllah akan mendapat ganjaran, iaitu masuk syurga sebagaimana disebutkan dalam hadis di atas.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

Buktikan kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

FIRMAN Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Ahzaab, ayat 21, tafsirnya :

"*Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu, iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah*."

Sebagai hamba Allah yang beriman dan mengharapkan keredaan-Nya, sewajarnya kita hendaknya menjadikan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai ikutan dan contoh teladan dalam setiap aspek kehidupan terutamanya pada ketika ini ada di antara umat Islam yang sudah jauh dari landasan dan ajaran Islam yang sebenarnya.

Mencontohi, mengikuti Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan berjalan di atas manhaj Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam serta berpegang teguh dan mengamalkan seluruh perkataan dan perbuatan baginda adalah tanda pertama cintakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Bahkan orang yang benar-benar mencintai Rasulullah adalah orang yang mengikuti Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam secara zahir dan batin serta selalu menyesuaikan perkataan dan perbuatannya dengan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Orang yang mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah orang yang bersemangat, berpegang teguh dan menghidupkan ajaran Baginda. Ia dizahirkan dengan mengamalkan sunnahnya, melaksanakan perintahnya dan menjauhi larangannya dalam perkataan dan perbuatan serta mendahulukan itu semua daripada hawa nafsu dan kelazatannya.

Menghidupkan sunnah dan mengikuti Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam setiap langkah kehidupannya adalah bukti kecintaan kepada baginda sebagaimana juga menjadi bukti kecintaan kepada Allah. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah 'Ali Imraan, ayat 31, tafsirnya :

"*Katakanlah (wahai Nabi Muhammad!) : Jika kamu masih mengasihi Allah maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu dan mengampuni dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.*"

Berdasarkan hal ini, kecintaan kepada Allah dan Rasul-Nya menuntut natijah mengamalkan hal-hal yang dicintai dan menjauhi yang dilarang dan dibenci oleh Baginda.

Kita sewajarnya bersyukur atas kelahiran dan pengutusan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana Baginda mengenalkan kita kepada Allah, mengeluarkan manusia dari lembah kejahilan dan kesesatan kepada keadilan Islam dan cahaya iman, membezakan antara hak dan batil, mengajar halal dan haram, dosa dan pahala, syurga dan neraka. Baginda tidak pernah merasa jemu dan berputus asa walau dicaci, dihina malah diseksa dan berdepan dengan pelbagai usaha musuh untuk membunuhnya ketika menyebar dan mempertahankan Islam. Semua ini dilakukan bukan untuk kepentingan peribadi dan keluarga sebaliknya untuk membawa kita umatnya kepada keredaan Allah dan mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Kita selayaknya faham bagaimana tingginya rasa kasih nabi kepada umatnya sehingga pernah baginda bersabda dalam suatu hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Abu Hurairah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"*Bagi setiap nabi terdapat doa yang terus dimaqbulkan di dunia. Tetapi aku telah menyimpan doaku sebagai syafaat untuk umatku pada hari kiamat nanti*."

Justeru itu, buktikanlah kecintaan kita kepada nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi wasallam dengan meneladani sikap dan ajaran Baginda termasuk melalui ucapan selawat sepanjang masa dan tempat sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amru bin al-'Ash, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"*Barang siapa yang berselawat ke atasku sekali, Allah akan berselawat ke atasnya 10 kali*."

Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, amalan menyemarakkan Majlis Maulidur Rasul terus bergema dengan pujian Dikir Maulidur Rasul yang dikendalikan oleh pelbagai pihak sama ada oleh agensi-agensi kerajaan, swasta, mukim dan kampung, di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di negara selama 12 malam berturut-turut. Di samping, majlis ceramah agama dan acara kemuncak Perarakan Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam peringkat negara yang akan berlangsung pada setiap 12 Rabiulawal di setiap tahun.

Sama-samalah kita perbanyakkan selawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagai rasa kasih dan cinta kita terhadapnya. Dengan banyak berselawat adalah salah satu bukti kecintaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu bersesuaian dengan kedudukan selawat itu sendiri yang memiliki berbagai keistimewaan dan kelebihan di sisi Allah maka sewajarnya amalan selawat ini diberi perhatian berat dan diamalkan oleh setiap umat Islam.

Aker Solutions lancar Sistem Penyimpanan Gudang Automatik



PARA Pegawai Eksekutif dari Aker Solutions dan Brunei Shell Petroleum (BSP) merasmikan pelancaran Sistem Penyimpanan Gudang Automatik, dari kanan, Bjorn Viken (Pengarah Projek ORMC, Aker Solutions), Kadeen McGregor-Green (Ketua Komersial, BSP), Eddie Lee (Pemegang Kontrak ORMC, BSP), David Huges (Pengurus Projek dan Kejuruteraan Aset, BSP), Malcolm Mayes (Pengarah Aset, BSP), Hatta Kamaruzzaman (Pengurus Negara Malaysia dan Brunei, Aker Solutions), Erik Erdal (Naib Presiden Kanan, Brownfield Asia Pacific & North America, dan Subsea Lifecycle Services Asia Pacific, Aker Solutions).

Siaran Akhbar dan Foto : Aker Solution Brunei

KUALA BELAIT, Selasa, 11 Disember. - Aker Solutions melancarkan Sistem Penyimpanan Gudang Automatik, iaitu sistem penyimpanan barang berkeupayaan tinggi yang pertama dipasang di Brunei Darussalam dengan Brunei Shell Petroleum di Marine Construction Yard di Kuala Belait.

Reka bentuk yang padat berhasil mengurangkan keluasan sebanyak 70 peratus, meningkatkan kelajuan memilih barang di gudang sebanyak 60 peratus dan memastikan operasi yang selamat dengan reka bentuk inovatif ergonomik.

"Ini merupakan peristiwa penting bagi operasi kami di Brunei," kata Pengarah Projek Aker Solutions, Bjorn Viken.

"Pengenalan sistem dan teknologi baharu adalah menunjukkan komitmen jangka panjang kami untuk terus meningkatkan dan mendigitalkan proses kerja untuk pelanggan kami serta meningkatkan kecekapan pekerja tempatan kami."

Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan, salah seorang pekerja Aker Solutions di Brunei, Fiona Teo, telah menyertai program latihan intensif selama tiga minggu bagi mempelajari cara mengendalikan sistem di Stord, Norway.

Beliau kini memiliki pengetahuan lengkap untuk menguruskan dan menyelesaikan isu-isu sistem baharu tersebut.

Pemasangan perisian dan perkakasan mengambil masa tiga bulan dan selesai pada bulan November tahun ini dengan kerjasama daripada pasukan dari Norway, India, Singapura dan Thailand.

Sistem tersebut dapat menyokong penyimpanan lebih daripada 11,500 kg barang dengan lebih daripada 2,000 lokasi penyimpanan, dengan hanya menggunakan keluasan 40 meter persegi.

Sistem tersebut bergabung sepenuhnya dengan sistem pengurusan kerja digital Aker Solutions, MIPS (Method Integrated Project System), yang mengintegrasikan proses pemasangan kejuruteraan, perolehan, fabrikasi dan juga di luar pesisir.

Ia membolehkan pelepasan masa nyata menggunakan peranti handheld yang mengesan sekitar 12,000 objek fabrik setiap tahun dalam projek itu.

Aker Solutions Brunei mempunyai kira-kira 1,800 pekerja tetap dan pekerja subkontraktor, dan mengekalkan 220 aset luar pesisir untuk Brunei Shell Petroleum.

Filem terpilih YIIFF akan ditayangkan di Brunei

Berita : Ihsan Brunei Film Blitz

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Filem pendek cepat menjadi tarikan penonton dan disifatkan paling menguntungkan dalam pembuatan filem moden.

Sehubungan itu, Brunei Film Blitz dengan sukacitanya mengumumkan perkongsian baharu yang menarik bersama Yala International Independent Film Festival (YIIFF) yang berpangkalan di Nepal. Tiga filem pendek luar biasa dari Nepal akan ditayangkan sebagai sebahagian daripada pertukaran budaya antara kedua-dua negara Jumaat ini, 14 Disember 2018 bermula jam 3.00 petang.

Kerjasama tersebut tepat pada masanya apabila Brunei Film Blitz akan menganjurkan rakaman filem pendek selama 96 jam yang akan meningkatkan visi pencipta filem tempatan untuk mencipta filem dan mencari identiti kebangsaan Brunei melalui perspektif masing-masing.

Tayangan filem-filem Nepal tersebut merupakan sebahagian usaha Brunei Film Blitz untuk menayangkan bersama sesi 'Wayang Kitani' di mana pembuat filem tempatan diberi peluang untuk menayangkan filem-filem pendek mereka di skrin perak.

Orang ramai yang ingin menyaksikan tayangan filem berkenaan bolehlah menempah tempat duduk mulai hari ini dengan melayari atau memuat turun *www.bruneifilmblitz.org* atau menghubungi penganjur menerusi talian +673 8188777.

24 denda kompaun dikenakan kepada 91 peniaga

Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Disember. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) mengeluarkan sebanyak 24 kompaun masing-masing berjumlah BND500 dan 73 notis amaran bagi kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Peraturan Paparan Tanda Harga dan Peraturan Harga Jualan Murah dari bulan September hingga awal bulan Disember 2018. Kesalahan-kesalahan tersebut melibatkan 91 peniaga.

Semasa lawatan pemeriksaan rutin yang dijalankan oleh Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna, JPKE di seluruh Negara Brunei Darussalam pada Ahad, 9 Disember lepas mendapati beberapa kesalahan seperti barangan termasuk minyak masak, susu tepung anak damit, gula dan beras yang dijual melebihi harga maksima yang ditetapkan oleh JPKE dan agensi-agensi yang berkenaan. Beberapa premis perniagaan juga didapati tidak mempamerkan tanda harga bagi barangan yang dijual dan juga mengadakan acara harga jualan murah tanpa memaklumkan ke JPKE.

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna mengingatkan para peniaga untuk sentiasa mematuhi akta tersebut dengan memastikan barangan yang dikawal harga tidak dijual melebihi harga maksima yang ditetapkan. Maklumat harga maksima terkini boleh didapati dari aplikasi mudah alih PenggunaBijak dan di laman sesawang JPKE.

Para peniaga juga diingatkan untuk sentiasa mematuhi peraturan-peraturan paparan tanda harga dan harga jualan murah dengan memastikan barangan yang dijual diberikan tanda harga yang jelas dan sebarang acara harga jualan murah dijalankan secara beretika. Pematuhan kepada peraturan-peraturan ini bukan saja untuk memelihara kebajikan pengguna dari segi ketelusan harga dan membolehkan membuat perbandingan harga, tetapi juga untuk mendokong pertumbuhan perniagaan dengan memupuk keyakinan para pengguna dan meningkatkan penggunaan yang berdaya tahan yang mana adalah faktor-faktor yang penting dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang baik.

Peniaga yang didapati tidak mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya boleh dikenakan kompaun tidak melebihi BND1,000 selepas dikeluarkan notis amaran pertama. Bagi kesalahan berikutnya, peniaga boleh didakwa dan dikenakan denda tidak melebihi BND20,000 dan penjara tidak melebihi lima tahun.

JPKE menekankan bahawa harga maksima hanya ditetapkan kepada 12 jenis barangan yang disenaraikan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142. Barangan ini termasuk minyak masak, susu tepung anak damit, kenderaan bermotor penumpang, gula, beras dan produk-produk tenaga. Walaupun harga maksima ditetapkan, para peniaga digalakkan untuk memberikan harga-harga yang kompetitif bagi menarik pelanggan.

Pihak awam juga diingatkan bahawa kawalan harga hanya dikenakan kepada barangan yang tersenarai di dalam akta bagi memelihara pasaran yang dinamik. Para pengguna dinasihatkan untuk memahami hak dan tanggungjawab mereka dan membuat pilihan perbelanjaan yang berdasarkan maklumat dan untuk mendapatkan nilai wang terbaik dengan membuat perbandingan harga dan pengganti (*substitutes*) di pasaran.

Dalam menyokong insiatif Pengguna Bijak, JPKE menggalakkan pihak awam untuk menggunakan aplikasi mudah alih *PenggunaBijak* yang boleh dimuat turun secara percuma bagi peranti iOS dan Android.

JPKE juga mengalu-alukan maklum balas, dan apa jua penjelasan mengenai kawalan harga dan perlindungan pengguna boleh diajukan ke Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna melalui talian +673 2230223 (semasa waktu pejabat); Aplikasi mudah-alih : *Pengguna Bijak/SmartConsumer*; E-mel : *aduanpengguna@jpke.gov.bn* atau terus ke Pejabat JPKE di alamat Bilik 3.06, Aras 3, West Wing, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BA1131, Negara Brunei Darussalam.

BIBD kongsi kesedaran kewangan

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Disember. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini mengadakan taklimat perancangan kewangan untuk warga dan kakitangan dari Institut Perkhidmatan Awam bagi mempromosikan kesedaran kewangan dan tabiat perbelanjaan yang lebih baik di Negara Brunei Darussalam.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Perancang Kewangan Islam BIBD, Dayang Hajah Suhana binti Haji Suaji.

Oleh itu, untuk maklumat lanjut mengenai Perkhidmatan Perancangan Kewangan BIBD, hubungi terus Pusat Hubungan khusus BIBD melalui talian +673 223 8181.

TAKLIMAT perancangan kewangan bagi warga dan kakitangan dari Institut Perkhidmatan Awam disampaikan oleh Perancang Kewangan Islam, Bank Islam Brunei Darussalam, Dayang Hajah Suhana binti Haji Suaji.

Berbelanja Bijak&Berhemat dengan aplikasi PenggunaBijak SmartConsumer

Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the App Store

GET IT ON Google Play

Menyediakan pelbagai fungsi:

PENETAPAN HARGA MAKSIMA

Senarai barangan yang dikawal harga dan harga maksima barang terkawal dan barang harian pilihan.

PERBANDINGAN HARGA

Perbandingan harga barangan keperluan harian terpilih.

MEMBUAT ADUAN

Mengandungi platform bagi menghantar aduan mengenai amalan tidak wajar perniagaan dan perkara-perkara berhubung dengan barangan yang dikawal harga.

JUALAN & POTONGAN DISKAUN

Mengandungi maklumat acara jualan yang sedang dan akan dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam.

PELINDUNGAN PENGGUNA

Bahan-bahan pendidikan mengenai skop Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 dan Akta Kawalan Harga, Penggal 142, Pindaan 2012.

Para Pengguna boleh membuat perbandingan harga dan mendapatkan harga terkini barangan harian terpilih serta maklumat mengenai promosi istimewa dan diskaun melalui PenggunaBijak SmartConsumer.

HUBUNGI KAMI: Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Bilik 2A3:06, Aras 03, West Wing,
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BSB, BA1311,
Negara Brunei Darussalam.
Tel : +673 2230223 (Waktu Pejabat)

Sesi Perbincangan Pertama Sesi Wayang Kitani

PROFESOR Mark Shepherd daripada University of Southern California (tengah) dan Rano Iskandar (kanan sekali) yang merupakan *'Influencer'* Media Sosial Brunei yang pertama semasa dijemput menjadi panel pada Sesi Perbincangan Pertama tersebut yang dimoderatorkan oleh Alex Fischer (kiri).

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Disember. - Brunei Film Blitz meneruskan lagi usahanya dalam menyediakan platform bagi pembuat filem tempatan untuk mempamerkan filem, filem pendek ataupun mana-mana karya yang mereka hasilkan dengan mengungkayahkan Sesi Wayang Kitani.

Sesi Wayang Kitani tersebut diadakan pada setiap malam rabu bermula 11 hingga 25 Disember, bertempat di Aras 3, Plaza Athirah, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku moderator pada Sesi Perbincangan Pertama ialah Alex Fischer.

Manakala hadir selaku panel ialah Dayang Siti Kamaluddin yang merupakan Pengarah Filem Brunei Pertama; Profesor Mark Shepherd daripada University of Southern California; Dr. Jana Heilmaier daripada Universiti Brunei Darussalam dan Rano Iskandar yang merupakan *'Influencer'* Media Sosial Brunei yang pertama.

Antara topik-topik yang dibincangkan ialah mencari identiti skrin nasional bagi Negara Brunei Darussalam, membincangkan tentang pembuatan sebuah filem tersebut yang mempunyai unsur-unsur Brunei yang mentakrifkan identiti Brunei dalam sesebuah filem.

Panel juga meneruskan perbincangan mengenai pencarian harta intelek dan bagaimana ia dapat memainkan peranan yang besar dalam melindungi idea dan pemilikan pembuatan perfileman Brunei.

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang masih lagi asing dengan pawagam, masih banyak kisah yang belum diberitahu dan lokasi yang boleh dibuka untuk produksi asing.

Oleh itu, Negara Brunei Darussalam masih lagi mempunyai peluang untuk melahirkan idea-idea baharu dan kreatif dalam menghasilkan formula yang sempurna untuk pawagam negara (*national cinema*), seterusnya panel membincangkan mengenai pertubuhan tersebut dan siapakah yang harus menggalas tanggungjawab tersebut.

Sesi Wayang Kitani adalah sebahagian daripada beberapa program yang dirancang semasa lawatan Duta Kesenian Amerika Syarikat Pertama ke Negara Brunei Darussalam, Mark Shepherd.

Orang ramai yang berminat adalah dialu-alukan hadir dengan menempah tempat duduk bagi acara Brunei Film Blitz Bertemu Mark Shepherd dengan melayari *www.bruneifilmblitz.org* atau menghubungi melalui talian +673 8188777.

Dari muka 8

Beliau menekankan penggunaan PET CT yang sesuai untuk menguruskan pelbagai jenis kanser dan mengelakkan tanda pengimejan nuklear yang tidak perlu dan tidak sesuai supaya dos radiasi kepada pesakit dapat diminimumkan.

Menurutnya, pesakit kanser kepala dan leher, kanser kolorektal, kanser payudara, limfoma dan kanser paru-paru boleh mendapat banyak manfaat daripada perkhidmatan tersebut.

Sementara itu, Profesor Vijay Kumar menyampaikan taklimat bertajuk "Pengesan PET CT melangkaui F-18 FDG - pengesan baru dan aplikasi klinikal masa depan".

Beliau mengetengahkan pengesan radio novel dan baru dan *radiopharmaceutical* untuk diagnosis, tahap dan rawatan kanser.

Beliau menegaskan bahawa pengimejan Ga-68 PET-CT dan terapi radionuklid Lu-177 PSMA telah membawa perubahan ketara dalam pengurusan rawatan kanser Prostat.

Beberapa pakar radioterapi yang baharu seperti Cu-64 dan Ac-225 dijangka mengubah paradigma rawatan pelbagai jenis kanser.

Manakala, Pengarah Perubatan Cum Pengarah TBCC, Dato Seri Laila Jasa Dr. Babu Sukumaran menyentuh mengenai terdapat peningkatan jumlah pesakit yang didiagnosis dengan kanser setiap tahun.

Jelasnya, dengan pengenalan ubat nuklear dan perkhidmatan PET CT, tahap tepat, pengembalian semula dan pengesanan berulang boleh dilakukan ditambah lagi dengan keputusan pengurusan yang lebih baik untuk rawatan pesakit kanser.

Dr. Hamid Naseer juga menekankan bahawa TBCC menyediakan perkhidmatan diagnostik dan terapeutik untuk penyakit kanser dan bukan kanser.

Jabatan Perubatan Nuklear di PJSC dilengkapi dengan 18 Mev Cyclotron, makmal pengeluaran radiofarmaseutikal, Tomography Emission Positron dengan Tomography Computed (PET-CT) dan Tomography Computed Tomography Tomografi dengan Tomography Computed (SPECT-CT). Pelbagai ujian nuklear seperti imbasan tiroid, imbasan tulang, imbasan buah pinggang, imbasan paratiroid, imbasan darah GI, imbasan jantung, imbasan seluruh badan I-131 dan imbasan PET CT FDG dilakukan secara rutin.

Tidak lama lagi jelasnya, mereka akan memperkenalkan perkhidmatan kardiologi Nuklear untuk pesakit dengan penyakit jantung.

Acara diakhiri dengan sesi soal jawab dan diikuti dengan penyampaian penghargaan kepada pakar IAEA oleh Dr. Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar.

Pelita Brunei

MINDA PEMBACA

Waspada gejala penyebaran berita palsu

SESUATU yang palsu itu tidak kira ia berbentuk barang, jenama mahupun khabar berita merupakan virus yang sentiasa merebak dalam kalangan masyarakat pada zaman ini. Pemalsuan ini dilakukan demi kepentingan diri sendiri dan pada masa yang sama akan memudaratkan yang lain. Gejala penyebaran berita palsu adalah virus yang giat berkembang buat masa ini, yang mana ia lebih cepat tersebar dengan adanya teknologi yang canggih. Ungkapan 'semuanya ada dihujung jari' sering kali disalahgunakan oleh masyarakat yang tidak bertanggungjawab.

NOTE : This advertisement does not constitute an offer from JBBSB and shall be subject to terms and conditions contained in the RFP Documents. JBBSB is under no obligation to respond to any enquires it receives and reserves the right not to follow up on any submission at its sole discretion without explanation.

JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA :
RTB / K / 51 / 18 - 19
SUPPLY & DELIVERY LIST OF MERCHANDISE FOR RADIO PROGRAM DIVISION, RTB.

Bayaran Tawaran :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 19 Disember 2018
jam 2.00 Petang

1. SEBUT Harga ini adalah dipelawa kepada semua pemborong dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari **Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB** dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jalan Stoney
Bandar Seri Begawan, BB8610
Negara Brunei Darussalam.
Rujukan :
RTB / K / 51 / 18 - 19
Tarikh Tutup :
19 Disember 2018

5. Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui e-mel ke *sebutharga.rtb@rtb.gov.bn* tidak lewat jam 2.00 Petang (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

6. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).

Para penender yang berhajat mengikuti tawaran diatas adalah disaran untuk merujuk maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN SEBUT HARGA :
JPA / ICT / PRINTER / SH / 01 / 2018

TAJUK SEBUT HARGA:
MEMBEKAL DUA (2) UNIT A4 LASERJET PRINTER NETWORK BLACK

BILANGAN SEBUT HARGA :
JPA / ICT / PRINTER / SH / 02 / 2018

TAJUK SEBUT HARGA:
MEMBEKAL DUA (2) UNIT A4 LASERJET PRINTER NETWORK COLOR

BILANGAN SEBUT HARGA :
JPA / ICT / PROJECTOR / SH / 01 / 2018

TAJUK SEBUT HARGA:
MEMBEKAL SATU (1) UNIT MOUNT CEILING PROJECTOR
BILIK MESYUARAT MUZAKARAH

Syarat-syarat Sebut Harga :

1. DIBUKAKAN kepada pembekal- pembekal yang berdaftar dan diluluskan oleh **Authority Info-Communication Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI)**.
2. Sebut Harga hendaklah dihantar ke :

PETI SEBUT HARGA
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
TINGKAT 4
BANGUNAN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **RABU, 26 DISEMBER, JAM 2.00 PETANG**. Mana-mana sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Sebut Harga hendaklah ditulis dengan betul serta jelas menggunakan borang yang disediakan dan seterusnya dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi dengan membubuh bilangan dan tajuk sebut harga di sebelah kiri sampul surat tanpa membubuh nama syarikat / pembekal.
5. Sebut Harga hendaklah disertakan dengan sijil perniagaan yang berdaftar dengan AITI dan diakui masih sah laku.
6. Dokumen-dokumen terperinci mengenai Sebut Harga ini boleh diperoleh pada hari dan waktu pejabat di :

UNIT KEWANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
TINGKAT 4
BANGUNAN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Tajuk Tawaran :
UNISSA / SB0043 / 2018 / 2019
SUPPLY, INSTALL, IMPLEMENT, TEST, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF INSTITUTIONAL REPOSITORY SYSTEM FOR UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI.

Tajuk Tawaran :
UNISSA / SB0044 / 2018 / 2019
SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND SUPPORT OF IT EQUIPMENTS FOR UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI.

Tarikh tutup tawaran :
Rabu, 19 Disember 2018,
jam 2.00 Petang

Yuran tawaran :
BND 10.00
(tidak dikembalikan)

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen tawaran boleh diperoleh di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran Dan Kewangan, Simpang 347, Jalan Pasar Baharu Gadong, BE1310, Negara Brunei Darussalam.**
3. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan dialamatkan kepada :

PENGERUSI SEBUT HARGA
UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI
SIMPANG 347
JALAN PASAR BAHARU
GADONG, BE1310
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

4. Para penender yang berhasrat untuk menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran atau layari laman sesawang *http://www.unissa.edu.bn*.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. 3 :
MINDEF / DFA / 2018 / LB / TA / 006
PEMBELIAN DIGITAL 2D PANORAMIC RADIOGRAPHY X-RAY DEVICE

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 - TENDER FEE
(tidak dikembalikan)

TARIKH MULA MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN :
3 DISEMBER 2018

TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 18 DISEMBER 2018
(jam 2.00 Petang)

SYARAT SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat pada tarikh-tarikh dan waktu seperti yang dinyatakan di atas.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin dan Rabu) bermula seperti tarikh-tarikh yang dinyatakan di atas.

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran dan mendapatkan borang tawaran :

Isnin dan **Rabu**

8.00 Pagi hingga **11.30 Pagi**

2.00 Petang hingga **3.00 Petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

Para penender yang berhasrat untuk menyertai tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya juga boleh dilihat melalui laman sesawang : *http://www.mindef.gov.bn*

JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
JPKK / JKSH1819 - QTN.32 / ADM

Tajuk Sebut Harga :
POLICE INDICATION UNIT CONNECTION AND PREVENTIVE MAINTENANCE OF SECURITY ALARM SYSTEM AT TREASURY DEPARTMENT TUTONG, MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

Bilangan Sebut Harga :
JPKK / JKSH1819 - QTN.33 / ADM

Tajuk Sebut Harga :
POLICE INDICATION UNIT CONNECTION AND PREVENTIVE MAINTENANCE OF SECURITY ALARM SYSTEM AT TREASURY DEPARTMENT TEMBURONG, MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

Bilangan Sebut Harga :
JPKK / JKSH1819 - QTN.34 / ADM

Tajuk Sebut Harga :
POLICE INDICATION UNIT CONNECTION AND PREVENTIVE MAINTENANCE OF SECURITY ALARM SYSTEM AT TREASURY DEPARTMENT KUALA BELAIT, MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

Bilangan Sebut Harga :
JPKK / JKSH1819 - QTN.35 / ADM

Tajuk Sebut Harga :
MEMBEKALKAN PELBAGAI ALAT TULIS DAN TONER BAGI JABATAN PERBENDAHARAAN

Tarikh tutup / jam :
17 DISEMBER 2018
Isnin, jam 9.00 Pagi

Tempat Menghantar Tawaran :
Peti Sebut Harga
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam.

Syarat-syarat penyertaan :

1. PEMOHON adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam dan boleh diperoleh di Kaunter Penyambut Tetamu, Tower Block, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, jam **8.30 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan **1.30 Petang** hingga **3.30 Petang** (waktu bekerja).
3. Setiap satu borang tawaran yang lengkap diisikan dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang tertutup rapi dan menulis dengan jelas dengan menyatakan **tajuk, bilangan tawaran** dan **tarikh tutup tawaran** tanpa membubuhkan sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

Para penender yang berhasrat untuk mengikuti sebut harga ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN BAGI BULAN DISEMBER 2018 DI DAERAH BELAIT

BIL	KETERANGAN	FARVIN JAYA TRADING COMPANY (SERIA, KB)	ISMACO SDN BHD (SG. BAKONG)	JAYA CENTERPOINT HYPERMARKET SDN BHD (KB SENTRAL)	MAHMOON DEPARTMENT STORE (SG. TARING, LUMUT)	PERUSAHAAN YAZID BERSAUDARA SDN BHD (JLN. SETIA DIRAJA, KB)	SUPA SAVE & SMART (SERIA, KB)	YA NUR TRADING CO SDN BHD (SG. TALI, LUMUT)
1	**Mentega / Marjerin**							
	GOLDEN CHURN - 340 g	$ -	$ -	$ 6.95	$ 6.40	$ -	$ 5.95	$ 6.30
	QBB - 454 g	$ -	$ -	$ 7.50	$ -	$ -	$ -	$ 7.30
	PLANTA; Margarine - 480 g	$ -	$ 3.50	$ 9.50	$ -	$ -	$ 3.50	$ 3.25
2	**Makanan dalam tin**							
	YEO'S; Chicken Curry - 145 g	$ -	$ 1.50	$ 1.45	$ 1.30	$ 1.40	$ 1.55	$ 1.45
	REX; Chicken Curry - 160 g	$ 1.99	$ 1.30	$ 1.40	$ 1.30	$ 1.40	$ -	$ 1.30
	AYAM BRAND; Sardine In Tomato Sauce Tall - 230 g	$ -	$ 2.40	$ 2.45	$ -	$ -	$ 2.40	$ 2.30
	KARA; Natural Coconut Extract - 200 ml	$ -	$ -	$ 1.10	$ 1.10	$ 1.20	$ 1.10	$ 1.10
	AYAM BRAND; Coconut Milk Blue Tin - 270 ml	$ -	$ -	$ 1.85	$ 1.70	$ -	$ 1.65	$ 1.80
	CHAKOAH; Coconut Milk Gata - 400 ml	$ -	$ 1.80	$ 1.69	$ -	$ -	$ 1.55	$ 1.69
	BABU KITCHEN; Coconut Milk Indo - 400 ml	$ 1.55	$ 1.50	$ 1.50	$ -	$ -	$ 1.60	$ 1.45
3	**Telor ayam**							
	1 Tray (30 biji) (Size M/B) - 1 tray	$ 4.90	$ -	$ 5.40	$ 4.10	$ -	$ 5.70	$ 4.80
4	**Susu pekat manis**							
	F&N - 390 g	$ -	$ -	$ 0.99	$ -	$ 1.00	$ -	$ 1.00
	MILKMAID - 388 g	$ -	$ 1.10	$ 1.10	$ -	$ -	$ 1.05	$ 1.05
	TEAPOT - 388 g	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 1.25	$ -
5	**Minyak masak**							
	SANIA - 5 ltr	$ -	$ -	$ 7.20	$ -	$ -	$ 6.95	$ -
	SERI MURNI - 5 kg	$ 8.60	$ -	$ 8.39	$ -	$ -	$ 7.80	$ 7.99
	MAZOLA; Corn - 3 kg	$ -	$ -	$ 16.69	$ -	$ -	$ 14.20	$ 15.10
	NATUREL; Sunflower - 3 kg	$ -	$ -	$ 10.65	$ -	$ -	$ 10.30	$ -
	LABOUR @ CAP BURUH - 5 kg	$ -	$ -	$ 10.20	$ 9.90	$ -	$ 9.55	$ 9.80
	SUNCO; Vegetable - 5 ltr	$ -	$ 9.20	$ 9.20	$ 8.95	$ 9.50	$ 8.95	$ 9.25
	BORGES; Classic Olive Oil - 1 ltr	$ -	$ -	$ 10.20	$ -	$ -	$ 6.25	$ 10.90
	COLAVITA; Olive Oil - 1 ltr	$ -	$ -	$ 8.90	$ -	$ -	$ 10.40	$ 8.90
	FRAGATA; Olive Oil - 1 ltr	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 5.20	$ 11.50
	LINKS; Pure Olive Oil - 1 ltr	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 5.20	$ 12.50
	NATUREL; Olive Oil - 750 ml	$ -	$ -	$ 8.80	$ -	$ -	$ 5.20	$ -
	OLITALIA 100% Pure Olive Oil - 1 ltr	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 4.55	$ -
6	**Minuman sirap berperisa**							
	F&N SUN VALLEY; Grenadine - 2 lit	$ -	$ 4.50	$ 4.85	$ -	$ -	$ 4.90	$ 4.60
	F&N SUN VALLEY; Rose - 2 lit	$ -	$ 4.50	$ -	$ -	$ -	$ 4.90	$ 4.60
	F&N SUN VALLEY; Sarsi - 2 lit	$ -	$ 4.50	$ 4.85	$ -	$ -	$ 4.90	$ 4.60
	ROSE; Rose Syrup Flavour - 750 ml	$ -	$ 4.20	$ 4.20	$ -	$ -	$ 3.70	$ -
7	**Pencuci pakaian**							
	EKONOMI; Handalan Putih Kekal Baru - 2.5 kg	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 5.50	$ -
	DAIA; Excellent Washing Powder - 2.5 kg	$ 5.95	$ -	$ 6.30	$ -	$ -	$ 6.50	$ -
	CLOROX; Liquid Bleach - 1 lit	$ -	$ -	$ 2.20	$ -	$ -	$ 2.00	$ -
	COCOREX; Liquid Bleach - 1 lit	$ 1.60	$ -	$ 1.65	$ -	$ -	$ 1.60	$ -
8	**Mee kering**							
	Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah - 400 g	$ 1.85	$ 1.90	$ 1.85	$ -	$ -	$ -	$ 1.85
	Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong - 150 g	$ 0.50	$ -	$ 0.50	$ 0.50	$ 0.50	$ 0.55	$ 0.50
	Wai Wai Oriental Style - 400 g	$ -	$ -	$ 1.40	$ -	$ -	$ 1.15	$ -
	CAP LIMAU; Mee Hoon - 400 g	$ 1.10	$ 1.10	$ 1.10	$ 1.10	$ 1.00	$ 1.00	$ 0.99
9	**Minuman**							
	BOH; Tea - 200 g	$ 2.60	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 2.60	$ 2.60
	LIPTON; Yellow label - 200 g	$ -	$ -	$ 2.20	$ -	$ -	$ 3.30	$ 2.00
	NESCAFE; Classic - 200 g	$ 7.20	$ -	$ 7.80	$ -	$ -	$ 6.50	$ 7.80
	SEHAT; Botol - 1.5 litre	$ 0.90	$ 0.80	$ 0.70	$ -	$ -	$ 0.70	$ 0.90
	SUCI; Botol - 1.5 litre	$ 0.70	$ 0.70	$ 0.60	$ 0.80	$ -	$ 0.55	$ 0.80
10	**Susu cair**							
	COW BELL - 400 g	$ -	$ 1.00	$ 1.00	$ -	$ -	$ 1.00	$ 0.99
	F&N - 400 g	$ -	$ -	$ 1.10	$ -	$ -	$ -	$ 1.05
	IDEAL - 405 g	$ -	$ 1.45	$ 1.45	$ -	$ -	$ 1.30	$ 1.40
11	**Tepong**							
	PRIMA; Plain - 1 kg	$ 2.25	$ 2.20	$ 2.19	$ -	$ -	$ 2.00	$ 2.19
12	**Susu tepung berformula**							
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 900 g	$ -	$ 8.40	$ 8.39	$ 8.40	$ 8.25	$ 11.30	$ 8.35
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g	$ -	$ -	$ -	$ 8.40	$ 8.25	$ -	$ 8.35
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Chocolate Strawberry - 900 g	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 8.35
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn)Fruit & Vegetable - 900 g	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 10.20
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g	$ 8.45	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 8.65	$ 8.35
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Chocolate Strawberry - 900 g	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 8.65	$ -
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Fruits & Vegetables - 900 g	$ -	$ -	$ 10.80	$ -	$ -	$ 10.35	$ -
	NESTLE; Nan - 1 Pro Infant Formula (0 - 12 Bln)Langkah 1 (0 - 12 Mths) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - (Turquoise) - 700 g (350g X 2)	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 27.50	$ -
	NESTLE; Nan - 2 Pro Follow Up Formula (6 Mths - 3 Yrs) Langkah 2 (6 Mths - 3 Yrs) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - 700 g (350g X 2)	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 26.50	$ -
13	**Ayam segar**							
	Whole Chicken (Bulat) - 1 kg	$ -	$ -	$ 4.50	$ 4.30	$ -	$ 4.30	$ 4.50
14	**Lampin bayi pakai buang**							
	DRYPERS; Wee Wee Dry Newborn (Up t0 5 kg) - NB 28	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 7.80	$ 5.95
	DRYPERS; Small (3-7 kg) - S 32	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 7.80	$ -
	DRYPERS; Medium (6-11 kg) - M 28	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 7.80	$ 5.95
	DRYPERS; Large (9-14 kg) - L 44	$ 10.50	$ -	$ 10.90	$ -	$ -	$ 12.90	$ 11.95
	MAMY POKO; Newborn (Up t0 5 kg) - NB 28+2	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 13.90	$ -
	MAMY POKO; Small (3-8 kg) - S 44	$ -	$ -	$ 14.60	$ -	$ -	$ 13.90	$ 9.89
	MAMY POKO; Medium (6-11 kg) - M 38	$ -	$ -	$ 14.60	$ -	$ -	$ 13.90	$ 9.89
	MAMY POKO; Large (9-14 kg) - L 32	$ -	$ -	$ 14.60	$ -	$ -	$ 13.90	$ -
	EQ DRY; Newborn (Up t0 5 kg) - NB 20/22	$ -	$ -	$ -	$ -	$ -	$ 3.80	$ -
	EQ DRY; Small (3-7 kg) - S 40	$ -	$ -	$ 7.50	$ -	$ -	$ 7.50	$ 7.20
	EQ DRY; Medium (6-11 kg) - M 36	$ -	$ -	$ 7.50	$ -	$ -	$ 7.50	$ 7.20
	EQ DRY; Large (9-14 kg) - L 48	$ -	$ -	$ 10.80	$ -	$ 10.70	$ 7.50	$ 7.20
15	**Mee segera**							
	MAGGI; Curry - 80g x 5	$ 1.50	$ 1.50	$ 1.39	$ -	$ 1.40	$ 1.35	$ 1.35
	MAGGI; Ayam - 80g x 5	$ 1.50	$ 1.50	$ 1.39	$ -	$ 1.40	$ 1.35	$ 1.35
	MAGGI; Asam - 80g x 5	$ -	$ 1.80	$ 1.90	$ 1.75	$ 1.80	$ 1.65	$ 1.80
	INDO FOOD; Mee Goreng - 80g x 5	$ 1.55	$ 1.50	$ 1.50	$ -	$ 1.39	$ 1.60	$ 1.39
	INDO MIE; Mee Goreng (Old Packaging) - 80g x 5	$ -	$ -	$ 1.40	$ -	$ 1.40	$ -	$ 1.40
16	**Mayonis**							
	LADY'S CHOICE; Real Mayonnaise - 470 ml	$ 3.45	$ 3.99	$ 3.99	$ -	$ -	$ 4.90	$ 3.99
17	**Milo (Malaysia)**							
	Nestle Milo - 1.5 kg	$ -	$ -	$ 11.60	$ -	$ -	$ 10.10	$ 10.80
18	**Bawang**							
	Brown Onion (Bawang Besar) - 1 kg	$ 1.20	$ -	$ 1.49	$ -	$ -	$ 1.20	$ 1.50
	Garlic (Bawang Putih) - 1 kg	$ 2.50	$ -	$ 1.99	$ -	$ -	$ 2.20	$ 3.50
	Shallot (Bawang Merah) - 1 kg	$ 2.90	$ -	$ 2.50	$ -	$ -	$ 2.80	$ 2.50
19	**Sos**							
	Oyster Sauce (Lee Kum Kee) - 510 gm	$ -	$ -	$ 2.80	$ -	$ -	$ 6.20	$ 2.80
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Salty Soy Sauce - 645 ml	$ -	$ 3.60	$ 3.09	$ -	$ 3.20	$ 3.60	$ 2.95
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Sweet Soy Sauce - 645 ml	$ -	$ 3.40	$ 3.15	$ 3.50	$ 3.20	$ 2.90	$ 2.99
	MAGGI; Cilli Sauce - 340 gm	$ 1.25	$ 1.10	$ 1.15	$ -	$ 1.20	$ 1.15	$ 1.10
	MAGGI; Tomato Ketchup - 325 gm	$ 1.10	$ -	$ 1.10	$ -	$ 1.20	$ 1.05	$ 1.00
	ADABI; Oyster Sauce (Sos Tiram) - 510 gm	$ 1.45	$ -	$ 2.59	$ -	$ -	$ 2.60	$ 2.30
	NONA; Oyster Sauce (Sos Tiram) - 510 gm	$ -	$ -	$ 2.20	$ -	$ 2.40	$ 2.10	$ 2.10

*Harga barang tertakluk kepada stok.

***Senarai penuh boleh diperolehi dari aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau laman sesawang www.depd.gov.bn/cad. Aplikasi mudah alih PenggunaBijak boleh di muat-turun dari Google Playstore dan Apple iTunes App Store.

Sebarang maklumat atau aduan boleh hubungi hotline JPKE +6732 230223 semasa waktu pejabat atau e-mel : *aduanpengguna@jpke.gov.bn* dan *consumercomplaint@jpke.gov.bn*

Apa Pendapat Biskita?

Brunei December Festival bantu tingkatkan sektor pelancongan negara

DALAM usaha untuk mengembangkan lagi dan menjadikan sektor pelancongan Negara Brunei Darussalam sebagai sektor ekonomi yang mampu untuk menjana pertumbuhan ekonomi mapan, Brunei December Festival telah dirasmikan pada 2 Disember yang lalu di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien baru-baru ini telah dan akan menyajikan pelbagai acara dan aktiviti sepanjang festival sebulan diadakan.

Penyertaan pelbagai pihak sepanjang festival ini dianjurkan memberikan peluang kepada orang ramai, khususnya para pengunjung mengenali dengan lebih dekat mengenai acara-acara yang diadakan sepanjang festival dijalankan. Lebih daripada 60 acara dan aktiviti yang menarik telah dirancang sepanjang festival sebulan berkenaan di keempat-empat daerah yang meliputi acara kebudayaan dan kesenian, makanan, seni persembahan, sukan serta rekreasi.

"Brunei December Festival 2018 ini sememangnya satu inisiatif yang begitu membantu di dalam memeromosikan Negara Brunei Darussalam ke mata para pelancong selain juga dihasratkan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah sebuah destinasi percutian pilihan dengan menyediakan lebih banyak pilihan kegiatan santai dan rekreasi, kegiatan-kegiatan menarik dan acara sepanjang musim cuti itu. Kali pertama ia dianjurkan pada tahun lepas di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dan kira-kira 40 acara telah diatur, manakala pada tahun ini ia meningkat kepada lebih 60 acara dan ini jelas menampakkan akan perkembangan dan sambutan yang positif di tahun sebelumnya, yang jelas di sini dengan adanya Festival Disember Brunei ini ia juga turut membantu kita menghabiskan masa terluang bersama keluarga untuk sama-sama mengikuti aktiviti yang dijalankan daripada berbelanja besar membawa keluarga ke luar Negara." **- Hisham Haji Said**.

"Sebenarnya Brunei December Festival 2018 kali kedua ini merupakan satu aktiviti yang bermanfaat kepada kita penduduk di negara ini mahupun para pelancong yang datang berkunjung ke negara ini, kerana inilah bulan untuk kita membawa keluarga bersiar-siar di negara sendiri sambil mengenal lebih dekat lagi mengenai Negara Brunei Darussalam dan berpeluang mengikuti aktiviti yang dianjurkan." **- Hajah Rasidah binti Haji Metussin, Rimba**.

"Melalui Festival Disember Brunei 2018 ia dapat membantu mengisi masa-masa terluang saya dan keluarga saya untuk sama-sama mengikuti pelbagai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang turut serta dalam festival ini. Misalnya semasa perasmian Brunei December Festival pada minggu lepas di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di mana ia memberikan peluang kepada saya dan keluarga untuk sama-sama mengambil bahagian pada acara yang dianjurkan dengan berbasikal keliling Bandar Seri Begawan. Selain itu kita sekeluarga juga berpeluang menyaksikan pelbagai aktiviti lainnya, seperti pameran dan sebagainya. Mengenai dengan berbelanja sepanjang Brunei December Festival ini juga turut membantu kami untuk berbelanja di negara sendiri di dalam membuat persiapan persekolahan anak-anak tanpa perlu berbelanja ke luar Negara." **- Zuraidah Hm, Beribi.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn
i. Berbelanja di negara sendiri
ii. Mempelbagaikan daya tarikan tempat-tempat menarik

Kenali Bahasa Brunei

manjampurut bermaksud
1 sangat lebat tentang buah.
Contoh pemakaian kata : **manjampurut** ampalam atu babuah taun ani.

2 kiasan sangat ramai yang datang.
Contoh pemakaian kata : bakacambai ih, sakalinya datang **manjampurut** bah jalama masa ari raya ah.

manjangat bermaksud melihat dengan menghulurkan kepala ke hadapan atau ke luar dari jendela atau pintu.
Contoh pemakaian kata : bilanya mandangar urang mangatuk pintu atu inda ia tarus mambukai, **manjangat** ganya ia dari tabuk.

janjit bermaksud tidak teguh bentuk atau keadaan sesuatu benda.
Contoh pemakaian kata : jangantah kaubali galang ani dang **janjit** usulnya, bisaitah yang tagap batah mamakai.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kampung Selera Kitani

KAMPUNG SETIA 'A'

Foto : Azmah Haji Ahad

SAYUR TIBADAK MASAK SANTAN

BAHAN-BAHANNYA :

1 biji tibadak mentah (yang sudah dipotong-potong kecil)
1 tin santan
2 cawan air
2 biji bawang merah (ditumbuk)
1 inci halia (ditumbuk)
1 batang serai
5 tangkai lada kering (dikisar)
Sedikit garam dan perasa
100g udang hidup / kering

CARA MEMBUATNYA :

Tibadak (Cempedak) hendaklah direbus terlebih dahulu selepas itu dibersihkan dan disimpan dalam periuk, kemudian masukkan bahan-bahan yang ditumbuk, lada, serai udang, santan dan air serta garam dan sedikit perasa. Kemudian disimpan di atas api yang sederhana selama 10 minit.

Insurans Islam TAIB realisasikan perkembangan kewangan Islam

Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid dengan kerjasama Dayang Hajah Sabrina binti Haji Salehuddin, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad

BANGUNAN Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. terletak di Bangunan Suria Kiulap.

Sejarah Insurans Dalam Islam

KONSEP insurans dalam Islam telah lama diamalkan semenjak 1,400 tahun lalu. Pakar-pakar Islam mengakui bahawa budaya tanggungjawab bersama dalam sistem Aqilah seperti yang diamalkan oleh orang-orang Islam di Mekah dan Madinah adalah menjadi asas dan tunjang utama insurans bersama.

Pada tahun 1979, The Islamic Insurance Company di Sudan adalah syarikat pertama di dunia dalam sejarah menjalankan perniagaan insurans berdasarkan prinsip syariah yang kini dikenali sebagai Takaful.

Pada menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Takaful TAIB Sdn. Bhd. pada tahun 1993 mengikut jejak tersebut dan secara rasmi ditubuhkan sebagai pengendali Takaful pertama di Negara Brunei Darussalam yang kini dikenali sebagai Insurans Islam TAIB (IIT).

IIT ditubuhkan pada 3 Mac 1993 yang pada awalnya dikenali sebagai Takaful TAIB Sdn. Bhd. dan mula beroperasi di Tingkat 5, Bangunan Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputera, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan. Pada 11 Jun 1997, Takaful TAIB Sdn. Bhd. mengubah identiti korporatnya kepada IIT.

Arus Perkembangan

IIT memulakan perniagaan dengan modal yang dibenarkan sebanyak BND10 juta dan modal yang dibayar sebanyak BND5 juta dengan menawarkan produk Pelan Takaful Gadaijanji dan Skim Takaful Kenderaan Bermotor yang hanya ditadbir oleh lima orang kakitangan sahaja pada ketika itu.

Pada tahun 1998, modal syarikat yang dibenarkan bertambah kepada BND20 juta dengan modal yang dibayar sebanyak BND10 juta.

Sepanjang tempoh tahun 1996 hingga tahun 2002, IIT membuka beberapa cawangan dan kaunter Takaful bagi mengembangkan akses perniagaan kepada para pelanggan dan orang awam.

Antaranya ialah pembukaan Kaunter Takaful di Stesen Minyak TAIB Beribi dan Stesen Minyak TAIB Delima (1996), pembukaan ibu pejabat baharu di Bangunan Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputera (1996), pembukaan Kaunter Takaful di Pusat Pemerosesan Mel Berakas (1997), pembukaan Kaunter Takaful di cawangan TAIB Jerudong (1998), pembukaan cawangan di Bangunan Setia Kenangan Kiulap (1999), pembukaan Kaunter Takaful di Jabatan Pengangkutan Darat (2001) dan pembukaan Kaunter Takaful di cawangan TAIB Lambak dan cawangan TAIB Tutong (2002).

IIT kini mempunyai tiga buah cawangan dan lima buah kaunter perkhidmatan di seluruh negara.

Melebarkan Sayap

Pada tahun 2002, IIT melebarkan sayapnya dengan penubuhan Agensi Takaful bagi perniagaan Takaful Am. Dengan penubuhan agensi ini, jumlah kutipan perniagaan syarikat meningkat secara drastik.

Pada tahun yang sama juga, IIT memperkenalkan perkhidmatan bayaran melalui sumbangan kad kredit di Brunei Darussalam.

Dalam menempuh arus perubahan semasa, IIT juga berjaya memperluaskan lagi rangkaian perniagaan Takafulnya. Antaranya menjalin serta mengukuhkan hubungan dengan beberapa rakan perniagaan di luar negara, seperti Singapuran, Indonesia dan Malaysia.

Pada tahun 2008, genap umur 15 tahun penubuhan IIT, ia terus berkembang dengan pencapaian jumlah sumbangan kasar Takaful melebihi BND18 juta melalui lebih 10 produk Takaful yang ditawarkan dan diurus oleh 69 kakitangan yang berpengalaman.

Pada tahun 2010 IIT mencapai sumbangan kasar Takaful (sumbangan Kasar Takaful selepas Takaful semula) lebih BND28 juta. Pencapaian ini adalah hasil perancangan yang strategik dan usaha gigih syarikat yang berterusan.

Perkhidmatan Tuntutan Takaful Di Mekah dan Madinah

IIT melaksanakan pelbagai usaha bagi membantu mengurangkan beban jemaah dalam menjalankan ibadah haji. Antaranya, menyediakan Meja Perkhidmatan Tuntutan Takaful di Pejabat Darussalam Holdings Sdn. Bhd. di Mekah dan Madinah. Perkhidmatan ini adalah untuk memudahkan jemaah membuat sebarang tuntutan Takaful sama ada mereka berada di Mekah atau Madinah.

IIT juga telah mewakafkan sebuah ambulans kepada Pusat Perubatan Abayt di Mekah bagi kemudahan jemaah haji sewaktu berlaku kecemasan.

Sistem Pengurusan

IIT menerapkan budaya sistem pengurusan secara Islam serta sentiasa meningkatkan kemahiran dan keberkesanan pengurusan melalui program-program yang bersesuaian. IIT juga sentiasa memantapkan prestasi serta memartabatkan statusnya sebagai institusi kewangan Islam dalam pelbagai aspek bagi menghadapi cabaran semasa dan akan datang antaranya menerapkan slogan-slogan berikut sebagai pemacu semangat pegawai dan kakitangannya;

- Mesra pelanggan adalah salah satu kunci kejayaan kami
- Menerapkan nilai integriti kepada kakitangan dalam semua aspek kerja memboleh kami dikenali sebagai sebuah institusi kewangan yang dipercayai
- Budaya kerja secara berpasukan membantu kami menghasilkan daya fikir kreatif, sihat dan inovatif untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada peserta dan pelanggan kami

Pesat Berkembang

IIT melakarkan satu lagi sejarah apabila ibu pejabat baharu IIT Family Takaful yang terletak di Bangunan Setia Kenangan II dirasmikan pada 23 Oktober 2015. Pada awal tahun 2016, IIT mengubah nama korporatnya kepada IIT Holdings Sendirian Berhad.

IIT mula menawarkan perkhidmatan menunda kenderaan (*towing*) pada tahun 2000. Perkhidmatan ini ditingkatkan lagi dengan memperkenalkan Perkhidmatan Bantuan di Jalan Raya (Road Assitance) pada bulan Oktober 2006. Bermula pada tahun 2015, perkhidmatan ini dinamakan sebagai Perkhidmatan i-CARe.

Pada tahun 2017, IIT memperkenalkan perkhidmatan baharunya, iaitu Perkhidmatan Tuntutan IIT General Takaful Sdn. Bhd. melalui penubuhan Accident Care Centre (ACC) dan Perkhidmatan Car Accident & Response Services (CARS). Kedua-dua perkhidmatan ini diwujudkan dengan tujuan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan tuntutan dan keperluan kemalangan jalan raya apabila peserta-peserta IIT General Takaful Sdn. Bhd. membuat tuntutan ketika berlakunya kemalangan jalan raya.

Produk IIT

Dalam usaha untuk mematuhi piawaian Perintah Takaful 2008 khususnya dalam menjalankan perniagaan Takaful, IIT menubuhkan dua buah anak syarikat, iaitu IIT Family Takaful Sdn. Bhd dan IIT General Takaful Sdn. Bhd. yang menawarkan rangkaian produk Takaful masing-masing iaitu Takaful Keluarga dan Takaful Am.

Takaful Keluarga antaranya menawarkan Mortgage Takaful Plan, Takaful Pemegang Kad Kredit, Teachers' Takaful, Takaful Pembantu Rumah Peribadi, Siswa Takaful, Pelan Takaful Keluarga Untuk Pelajaran dan Mortgage Takaful Plan for Hire Purchaser.

Manakala produk-produk General Takaful pula ialah Student Takaful, Takaful Kembara, Skim Takaful Kenderaan Bermotor, Takaful Duyufur Rahman, Takaful Pelajar, Skim Takaful Kebakaran, Takaful Rumah Kediaman dan lain-lain.

Tanggungjawab Sosial Korporat

IIT juga komited memeduli dan membantu keperluan serta kebajikan masyarakat melalui program tanggungjawab sosial korporat. Antara khidmat yang dihulurkan melalui program ini ialah derma dalam bentuk wang ringgit, kempen derma darah, bantuan keperluan seharian kepada keluarga yang kurang bernasib baik dan lain-lain bentuk bantuan kepada golongan yang memerlukan seperti program At Tabaru Bil Khairat bantuan kewangan bagi menyiapkan rumah, kempen kebersihan dan sebagainya.

Program Kesedaran Celik Kewangan

IIT juga aktif menyokong misi kerajaan dalam memberi ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar dan para belia di negara ini tentang prinsip pengurusan kewangan dan menanam sikap suka menabung dalam kehidupan. Antara usaha yang dijalankan adalah Program Kesedaran Celik Kewangan ke sekolah-sekolah, meraikan sambutan Minggu Kewangan Global dan menyertai Program Financial Fun Fair yang dikendalikan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam.

Aktiviti yang disediakan menerapkan kepentingan simpanan dan merancang kewangan, mengongsikan perbezaan antara keperluan dan keinginan serta pengurusan kewangan yang bijak. Selain itu, para pelajar juga dipelawa untuk berkongsi pendapat mengenai aktiviti dan literasi kewangan yang mereka ingin terokai.

Menuju Wawasan Brunei 2035

Hari ini IIT berkembang maju di bawah pengurusan lebih 100 orang tenaga kerja yang terdiri daripada warga tempatan yang melaksanakan tugas dengan penuh semangat, dedikasi, bersatu padu dan sentiasa peka serta bersedia menyediakan keperluan para pelanggan khususnya dalam penyelesaian kewangan perlindungan Takaful.

Dalam siatuasi yang sentiasa mencabar ini, IIT bertekad untuk terus berkhidmat bagi memenuhi keperluan rakan niaga, para peserta dan pihak-pihak yang berkepentingan. Kaedah perniagaan yang dikendalikan IIT membuktikan tentang daya tahan dan kecekapan pengurusan perkhidmatannya selama ini. InsyaaAllah, IIT akan terus sama-sama mendukung dan mencapai Wawasan Brunei 2035.

INSURANS Islam TAIB Family Takaful Sdn. Bhd dan Insurans Islam TAIB General Takaful Sdn. Bhd. menawarkan rangkaian produk Takaful masing-masing, iaitu Takaful Keluarga dan Takaful Am.

Daerah Tutong juara Kejohanan Bola Sepak Antara Daerah

AHLI Exco NFABD, Ah Chua Bangau (kanan) menyampaikan pingat-pingat kepada salah seorang pemain Daerah Tutong yang menjadi johan pada kejohanan tersebut (kiri), sementara gambar kanan, sebahagian aksi pada perlawanan tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Pasukan Daerah Tutong muncul juara selepas menewaskan pasukan Daerah Belait dengan jaringan 5 - 4 pada Kejohanan Antara Daerah (Inter District) Bagi Pemain Bola Sepak Akar Umbi Sesi 2018 yang diadakan di Padang Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) pada Ahad, 9 Disember lepas.

Perlawanan sengit di antara kedua-dua pasukan berakhir dengan sepakan penalti apabila kedua-dua pasukan terikat 0 - 0 selepas menamatkan tempoh perlawanan 90 minit termasuk masa tambahan.

Tempat ketiga dan keempat masing-masing diraih oleh Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong.

Hadir menyampaikan pingat kemenangan pada akhir perlawanan ialah Ahli Exco NFABD, Ah Chua Bangau.

Kejohanan anjuran NFABD itu merupakan salah satu usaha ke arah meningkatkan mutu permainan sukan bola sepak tanah air dan mencungkil bakat-bakat muda yang boleh dijadikan pelapis pada masa akan datang, di samping menggalakkan pembangunan sukan bola sepak negara ini di semua peringkat, khususnya dari peringkat akar umbi menerusi kerjasama erat dengan agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan dan kelab-kelab bola sepak negara.

Atlet negara sertai Kejohanan Pencak Silat Dunia di Singapura

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Disember. - Enam atlet pencak silat mewakili Negara Brunei Darussalam petang tadi berlepas ke Singapura bagi menyertai Kejohanan Pencak Silat Dunia Kali Ke-18.

Kejohanan yang akan berlangsung bermula 13 hingga 16 Disember itu nanti mengambil tempat di OCBC Arena Hub Sukan Singapura.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Timbalan Yang Di-Pertua I Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (PERSIB), Pengiran Haji Abdul Karim bin Pengiran Haji Metassan dan Timbalan Yang Di-Pertua II, Haji Abdul Razak bin Haji Md. Deli. Para atlet diiringi oleh Pengurus Pasukan, Awang Haji Adanan bin Haji Ahad.

Kejohanan disertai oleh 71 buah negara yang mempertandingkan dua Kategori, iaitu Tanding dan Seni.

Antara kategori yang akan disertai oleh atlet-atlet negara ialah Seni Tunggal Putra, Seni Tunggal Putri, Regu Wanita dan Kategori Tanding Putra Kelas B (50 - 55kg) dan G (75 - 80kg).

Sementara itu, Awang Haji Adanan ketika ditemui melahirkan harapan agar para atlet beroleh kejayaan yang mana pasukan yang sangat memberi saingan kepada pasukan negara setentunya pasukan negara-negara ASEAN.

Menurutnya, pasukan negara telah membuat persiapan awal dan membuat latihan berterusan dan kini mereka sudah bersedia untuk bertanding.

TIMBALAN Yang Di-Pertua I Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (PERSIB), Pengiran Haji Abdul Karim bin Pengiran Haji Metassan dan Timbalan Yang Di-Pertua II, Awang Haji Abdul Razak bin Haji Md. Deli hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada enam atlet pencak silat yang akan bertanding di Singapura bagi menyertai Kejohanan Pencak Silat Dunia Kali Ke-18.

Hari Antarabangsa OKU, Taman JP, 15 - 16 Disember

PEMEGANG Amanah Dasar dan Perancangan pusat tersebut selaku Penasihat Sambutan Hari Antarabangsa OKU, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman (duduk, dua dari kiri) semasa Sidang Media yang diadakan di Bilik Daya Saing, Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Disember. - Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam akan mengadakan Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (OKU) pada hujung minggu ini, bertempat di Colonnade, Taman Permainan Jerudong Park (JP).

Pemegang Amanah Dasar dan Perancangan pusat tersebut selaku Penasihat Sambutan Hari Antarabangsa OKU, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman semasa Sidang Media yang diadakan di Bilik Daya Saing, Jabatan Kemajuan Pelancongan, menjelaskan sambutan merupakan salah satu inisiatif bagi Memperingati Sambutan Hari Antarabangsa OKU yang diraikan pada setiap 3 Disember setiap tahun.

"Pelbagai acara dan aktiviti akan diadakan selama dua hari, bermula pada 15 hingga 16 Disember 2018, dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam," katanya.

Menurut Pegawai Perhubungan Awam pusat berkenaan, Dayang Rubysusanti bin Haji Jahli, sambutan tersebut adalah sempena dengan Festival Disember Brunei (BDF) 2018 yang disokong oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan dan ditaja oleh Cityneon Displays and Construction Sdn. Bhd. dan Jerudong Park Country Club (JPCC).

Semasa acara itu nanti, gabungan pancaragam Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan beberapa artis tempatan juga akan turut memeriahkan suasana dengan mempersembahkan persembahan muzik dan nyanyian.

Tiket masuk ke lokasi berkenaan berharga BND10.00 setiap seorang dan hasil daripada penjualan tiket tersebut adalah bagi pengumpulan dana Pusat Ehsan.

Antara objektif sambutan ialah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang mereka yang kurang upaya dan keterangan lebih lanjut mengenai pusat tersebut yang menyediakan pelbagai kemudahan dari segi pembelajaran, penjagaan dan sebagainya.

Pelita Brunei

Sukan

INFO SUKAN

PADA Sukan Persahabatan BIMPNT-EAGA Ke-10, pasukan Brunei Darussalam 'A' berjaya memperoleh 35 pingat, iaitu 16 pingat emas, 9 pingat perak dan 10 pingat gangsa.

Sementara bagi pasukan Brunei Darussalam 'B' berjaya meraih 12 pingat, iaitu 2 pingat emas, 4 pingat perak dan 6 pingat gangsa.

ePaper Pelita Brunei

14 belia sertai Pertukaran Sukan Badminton, Tokyo

SERAMAI 14 ahli delegasi belia bersama Ketua Delegasi Pegawai Hal Ehwal Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Aini Solahiah binti Haji Kassim semasa doa dibacakan sejurus sebelum berlepas ke Tokyo, Jepun bagi menyertai Pertukaran Sukan Badminton di bawah Program JENESYS 2018. Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Program Pertukaran Pelajar dan Belia Jepun - Asia Timur (JENESYS) merupakan sebuah program pertukaran belia yang dianjurkan dan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Jepun sejak tahun 2007 untuk menjalinkan hubungan dua hala dan persahabatan, di samping mempromosi nilai-nilai budaya, adat resam dan memahami cara hidup masyarakat Jepun.

Sehubungan itu, seramai 14 ahli delegasi belia ke Tokyo, Jepun bagi menyertai Pertukaran Sukan Badminton di bawah Program JENESYS 2018 yang akan diadakan bermula 11 hingga 18 Disember.

Delegasi diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Aini Solahiah binti Haji Kassim.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat.

Perwakilan belia yang menyertai program tersebut terdiri daripada mahasiswa dari beberapa institusi pengajian tinggi; penuntut-penuntut pusat tingkatan enam dan sekolah menengah; dan alumni Program Khidmat Bakti Negara.

Di sepanjang lapan hari program dijalankan, para peserta akan diberikan syarahan mengenai adat resam dan budaya Jepun, membuat lawatan-lawatan yang berkaitan dengan tema program, membuat kunjungan hormat kepada kerajaan Jepun, *homestay* bersama keluarga angkat dan sebagainya.

Program tersebut bertujuan bagi mewujudkan persahabatan dan jaringan para belia dari segi perkongsian maklumat berhubungan dengan budaya kehidupan sosial, kemasyarakatan, ekonomi dan perkembangan semasa, khususnya di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun.

Pendaftaran Pertandingan Dart Beregu, Perseorangan Terbuka Brunei 2018 hingga 14 Disember

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Disember. - Dart Event Management dengan sokongan Persatuan Kebangsaan Dart Negara Brunei Darussalam (BNDA) dan Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) akan menganjurkan Pertandingan Dart Beregu dan Perseorangan Terbuka Brunei 2018 pada 14 hingga 16 Disember, bertempat di Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kampung Tanah Jambu.

Pertandingan adalah julung kali diadakan dengan tujuan bagi mengumpulkan pemain-pemain dart dari seluruh Borneo dan ASEAN untuk berentap meraih gelaran juara, sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim sesama pemain.

Setiausaha Dart Event Management, Dayang Martini binti Miamit menyatakan demikian semasa Sidang Media yang diadakan di Bilik Daya Saing, Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Menurutnya, pertandingan kali ini dibahagikan kepada dua kategori sahaja, iaitu Beregu dan Perseorangan Terbuka.

"Setakat ini kami telah menerima sekitar 200 peserta bagi kedua-dua kategori dan jangkaan kami pastinya akan mencecah lebih 300 peserta memandangkan pendaftaran masih lagi dibukakan hingga 14 Disember 2018 sebelah pagi secara *walk-in* dan pendaftaran adalah BND40.00 bagi Beregu dan BND15.00 bagi Perseorangan," ujarnya.

Johan Beregu akan membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah BND1,000; naib johan BND400 dan tempat ketiga BND200.

Sementara johan Perseorangan akan membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah BND300; naib johan BND150; dan tempat ketiga BND70.

Semua peserta pemenang juga akan membawa pulang medal dan sijil penyertaan.

Pertandingan adalah sempena Brunei December Festival (BDF) 2018 yang diraikan buat kali kedua sejak tahun lalu dengan tujuan untuk menarik pelancong dari negara luar dan memberi peluang untuk rakyat dan penduduk di negara ini untuk mengisi masa lapang sewaktu cuti persekolahan.

SETIAUSAHA Dart Event Management, Dayang Martini binti Miamit pada Sidang Media Pertandingan Dart Beregu dan Perseorangan Terbuka Brunei 2018, 14 hingga 16 Disember.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

RASUAH MENJEJASKAN KEAMANAN DAN KEMAJUAN NEGARA

دتربيتكن اوله جابتن فنراليس، جابتن فردان منتري دان دچيتق اوله جابتن فرچيتقن كراجأن، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam